

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 113 ● 30 APRIL - 6 MEI 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Penduduk mengeluh Klinik Komuniti ditutup

AZLAN ZAMBRY

KEWUJUDAN Klinik Komuniti di kawasan projek perumahan rakyat (PPR) sekitar ibu kota sejak 2017 memberikan kelegaan kepada penduduk di kawasan itu yang rata-ratanya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40) dan warga emas.

Namun sejak pandemik COVID-19 melanda dan kerajaan menguatkusakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 lalu, Kementerian Kesihatan (KKM) terpaksa menutup operasi Klinik Komuniti dan memindahkan kesemua kliniknya bagi menampung keperluan di Klinik Kesihatan terdekat.

Ekoran daripada keputusan tersebut,

penduduk menghadapi kesukaran untuk mendapatkan rawatan perubatan asas dan terpaksa mengeluarkan kos pengangkutan di kala mereka turut terjejas dengan situasi semasa sehingga ada yang terpaksa mengabaikan temu janji kerana faktor tersebut.

BERSAMBUNG DI MUKA 2



Hanya 40 minit tempoh di bazar Aidilfitri

A large photograph showing a crowded night market or bazaar. Many people are wearing face masks. In the foreground, a person in an orange shirt is seen from behind, looking at the crowd. The background shows various stall structures and lights.

BAZAR Ramadan dan Aidilfitri khususnya di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR), Kuala Lumpur yang kembali dianjurkan pada 17 April lalu, perlu ditambah baik selepas tular gambar kesesakan pengunjung di tapak tersebut. Perkara itu ditegaskan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang turut mencadangkan supaya tempoh masa seseorang pengunjung berada di tapak bazar dihadkan kepada 40 minit. Jelas beliau, langkah itu membolehkan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi di samping mengawal kadar kemasukan pengunjung dalam jangka waktu yang sama. Selain itu, beliau turut mengusulkan pertambahan anggota sukarela yang mengenakan pakaian seragam dan menonjolkan identiti sebagai penguatkuasa sekali gus dapat memastikan pematuhan SOP dicapai.

BERSAMBUNG DI MUKA 2

Kehadiran pengunjung perlu dititikberatkan pengaturan

Tambah baik SOP Bazar Aidilfitri

DARI MUKA DEPAN

MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa mencadangkan tempoh masa pengunjung ke Bazar Aidilfitri dihadkan selama 40 minit bagi mengelakkan terlalu ramai yang beratur di pintu masuk sehingga sukar mengekalkan jarak satu meter.

Beliau berkata, mengehadkan tempoh masa pengunjung antara beberapa cadangan terhadap penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) di semua bazar Ramadan dan Aidilfitri khususnya yang menjadi tumpuan ramai seperti Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR).

"Antara perkara yang saya harap diperbaiki segera ialah penambahan penguatkuasa sukarela yang perlu menonjolkan identiti mereka dengan berpakaian sewajarnya supaya identitinya lebih tampak sebagai penguat kuasa."

"Pengendali bazar juga perlu menitikberatkan jumlah pengunjung yang hadir ke tapak berkenaan supaya berada dalam keadaan terkawal," katanya selepas membuat tinjauan 30 minit di kawasan tersebut.

Menurut Annuar, cadangan itu dikemukakan setelah tinjauan di tapak bazar Aidilfitri pada



ANNUAR bersama Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob meninjau keadaan bazar Aidilfitri di Lorong TAR pada malam Selasa.

malam Selasa selepas tular gambar kesesakan pengunjung di tapak tersebut hujung minggu lalu.

Jelas beliau, seramai hampir 20,000 pengunjung yang datang ke bazar Aidilfitri di Lorong TAR direkodkan menerusi aplikasi MySejahtera.

Selain itu, Annuar turut meminta agar diletakkan pemisah di antara gerai di bazar Aidilfitri di Lorong TAR bagi memanfaatkan ruang sempit di kawasan tersebut.

Katanya, kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan khemah-khemah perlu dijarakkan dan akan memakan ruang tapak untuk menempatkan peniaga yang ramai.

"Saya harap semua peniaga di bazar Ramadan dan Aidilfitri dapat memberikan kerjasama supaya tiada bazar ditutup dan boleh terus bermula sehingga malam raya."

"Jika semua mematuhi SOP



PENAMBAHBAIKAN prosedur operasi standard (SOP) perlu disegekan terutamanya di bazar Aidilfitri Lorong TAR.

tersebut, semua tapak bazar di Kuala Lumpur boleh terus bermula dan semoga pengendali, peniaga serta pengunjung di bazar Aidilfitri Jalan TAR dapat meningkatkan kepatuhan terhadap peraturan yang ditetapkan," katanya.

Terdahulu, keputusan kelulusan penganjuran bazar diumumkan Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang membenarkan pengoperasian di seluruh negara pada tahun

ini, dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

Pada 2019, tapak bazar di Lorong TAR telah dipindahkan ke Jalan Raja bagi mengatasi isu berbangkit termasuk aspek kebersihan, tadbir urus dan pihak yang mengambil kesempatan mengait keuntungan atas angin.

Namun ia, kembali ke lokasi lama yang sudah menjadi tapak tumpuan pengunjung domestik mahupun antarabangsa. **WK**

9,000 penduduk PPR Intan Baiduri sukar dapatkan rawatan perubatan

DARI MUKA DEPAN

PERKHIDMATAN Klinik Komuniti terutama di kawasan projek perumahan rakyat (PPR) memberikan satu kelegaan kepada penduduk setempat kerana ia dapat membantu mereka mendapatkan rawatan asas dengan harga yang murah selain menjimatkan masa.

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lalu, keadaan penduduk PPR menjadi semakin kelam apabila perkhidmatan klinik komuniti terpaksa digantung akibat wabak COVID-19. Penduduk dipindahkan ke Klinik Kesihatan berhampiran bagi memberikan lebih penumpuan untuk memerangi wabak COVID-19.

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Intan Baiduri, **Abd Rashid Abd Samad** menyifatkan penutupan sementara melalui notis yang ditampal di pintu masuk Klinik Komuniti PPR Intan Baiduri mendukacitakan seluruh penduduk yang memperolehi manfaat daripada kewujudan klinik tersebut.

"Sejak penutupan bermula 25 Mac 2020 ia menjadi satu masalah besar kepada komuniti terutama kepada warga emas dan golongan berpendapatan kecil B40 yang memerlukan rawatan."



PENUTUPAN sementara klinik komuniti PPR Intan Baiduri berikutan situasi semasa penularan wabak COVID-19.

"Penduduk di sini terpaksa beralih ke Klinik Kesihatan Jinjang dan saya dimaklumkan antara sebab utama penutupan tersebut disebabkan penularan wabak COVID-19 dan kesemua kakitangan Klinik Komuniti dipindahkan ke Klinik Kesihatan Jinjang bagi menampung keperluan pasukan perubatan pada waktu itu."

"Bermula daripada itu dan sehingga hari ini, klinik terus ditutup tanpa sebarang makluman terbaru kepada penduduk," katanya kepada

Wilayahku pada Selasa.

Menurut Abd Rashid, apabila klinik ditutup, kebanyakannya penduduk terpaksa ke Klinik Kesihatan Jinjang dengan jarak hampir 9 kilometer kerana ia merupakan berhampiran dengan kawasan PPR Intan Baiduri dan penduduk berhadapan dengan beberapa masalah.

"Pendaftaran klinik perlu dilakukan secara atas talian dan ini menyukarkan penduduk kerana rata-rata mereka adalah golongan

warga emas dan kurang arif mengenai teknologi.

"Yang kedua, apabila hendak ke sana, mereka berhadapan dengan kos pengangkutan ke klinik dan ini menyebabkan ramai dalam kalangan penduduk dan pesakit terpaksa melupakan hasrat untuk mendapatkan rawatan sehingga ada yang terlepas temujanji dengan klinik tersebut," katanya.

Kata Abd Rashid, pihaknya pernah dimaklumkan bahawa ada ura-ura pihak daripada KKM yang hendak menutup klinik tersebut disebabkan tinjauan yang dibuat mengatakan perkhidmatan di kawasan tersebut tidak mendapat sambutan.

"Pihak persatuan turut membuat tinjauan dan mendapatkan maklum balas daripada penduduk, malah kami dapat purata pesakit yang datang mendapatkan rawatan adalah hampir 20 orang dalam satu hari."

"Apabila kami mengemukakan hasil tinjauan tersebut, pihak pengurusan klinik telah memohon bantuan dan sokongan pihak persatuan untuk mendapatkan sebuah bilik yang lebih besar untuk menempatkan seorang pegawai perubatan dan farmasi," katanya.

Jelasnya, apabila persatuan penduduk berjaya memperolehi bilik

tersebut daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), tiada tindakan susulan daripada pihak KKM.

"Bilik sepatutnya perlu diubahsuai dan apabila pihak persatuan bertanya kepada Klinik Kesihatan berhampiran, mereka memaklumkan tiada peruntukan untuk pengubahsuaiannya dan kini terbiar sahaja," katanya.

Beliau juga pernah membangkitkan perkara tersebut kepada Klinik Kesihatan Jinjang dan sering mengemukakan permohonan secara lisani untuk membuka semula klinik tersebut.

"Jawapan yang diterima daripada pihak agak mendukacitakan kerana KKM mempunyai tarikh yang khusus bila klinik ini akan dibuka semula,"

Malah mereka hanya berkata klinik hanya akan mula dibuka apabila wabak ini mulai reda dan jawapan tersebut menyukarkan saya dan pihak persatuan untuk menerangkan kepada penduduk," katanya. **WK**

Imbas kod
QR
untuk
tonton
video berita
ini.



Kerjasama YWP Media, Kumpulan Ambang perkukuh KL Bandaraya Pintar

Kabin Informasi seperti negara maju

SABRINA SABRE

KABIN Informasi di Bandaraya Kuala Lumpur akan memperkuatkan ibu negara Malaysia sebagai sebuah negara yang bersepadan dengan Bandaraya Pintar dunia.

Selari dengan aspirasi Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani oleh YWP Media Sdn Bhd, anak syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan Kumpulan Ambang Sdn Bhd, bagi mewujudkan prasarana pengiklanan melalui Kabin Informasi.

Ia merupakan projek pertama yang dibangunkan selari dengan aspirasi Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang mahu menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Pintar.

Kabin Informasi merupakan kabin kaca yang bertindak sebagai "Street Furniture Advertising", yang dilengkapi panel-panel digital di dinding kabin untuk tujuan

pengiklanan.

Di samping itu, kabin ini juga menawarkan khidmat sokongan sebagai ruang merokok khas yang dapat mengasingkan perokok dengan bukan perokok.

Pengerusi Kumpulan Ambang Sdn Bhd, **Datuk Salim Sundar Abdullah** berkata, prasarana yang dilakukan akan membawa Kuala Lumpur ke arah *smart city* dan *digital city* selari dengan hasrat Annuar yang mahu mentransformasikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Pintar dan Bandaraya Digital.

"Kabin Informasi ini merupakan idea yang telah digunakan di beberapa buah negara maju bagi tujuan pengiklanan digital, dan akan memberi impak kepada masyarakat, persekitaran dan pihak pelanggan.

"Ia tercetus apabila melihat negara maju yang telah mempunyai kabin seperti ini termasuklah Singapura, Jepun, Denmark, Norway, dan England ketika melakukan lawatan ke negara-negara tersebut," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.



Pengurus Besar YWP Media, Azlan Abdul Aziz (dua, kiri) bersama Pengarah Ambang Impian Sdn Bhd, Muniandy Palanappan (dua, kanan) menandatangani MOU bagi projek perintis Kabin Informasi di Bandaraya Kuala Lumpur. Turut hadir KPE Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Zaizalnizam Zainun (kanan) dan Pengerusi Kumpulan Ambang Sdn Bhd, Datuk Salim Sundar Abdullah (kiri).

Menurut Salim, pihaknya membuat modifikasi terhadap reka bentuk kabin tersebut dengan menambah ruang untuk perokok dan dilengkapi teknologi terkini untuk meneutralkan asap.

"Kabin tersebut menggunakan

teknologi dari negara luar. Bila orang merokok di dalam kabin, asap akan disedut dan dinetralkan sebelum dilepaskan semula ke udara tanpa mencemarkan udara.

"Yang kedua, kita dapat mewujudkan masyarakat yang lebih

berdisiplin iaitu tidak merokok dan membuang sampah merata-rata. Sampah akan dikutip dan kebersihan akan sentiasa dijaga," katanya.

Katanya, melalui konsep yang sama, pihaknya akan mengubah suai untuk memuatkan kabin tersebut dengan paparan iklan digital agar ia lebih terurus dan teratur.

Tambahnya lagi, anggaran nilai bagi satu kabin bergantung kepada ukuran yang terdiri daripada 4x4, 4x6, 4x8. Barang yang digunakan adalah hasil kolaborasi dengan pihak luar negara, manakala produk dan pemasangan barang akan dilakukan di Malaysia.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun berharap usaha projek Kabin Informasi ini dapat memberi impak positif perniagaan bukan sahaja kepada Ambang Impian, YWP Media dan Agensi Pengiklanan, malah turut juga menyokong dasar-dasar Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan DBKL dalam pembangunan Bandaraya Lestari demi kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan. **WK**

Fitrah Kasih Jakel - Annuar bersama golongan asnaf dan ibu tunggal

SABRINA SABRE

PROGRAM Majlis Fitrah Kasih bersama Tan Sri TPr Annuar Musa di Jakel Mall Kuala Lumpur menyaksikan penyampaian sumbangan baju raya dan wang tunai kepada 50 wakil kumpulan asnaf dan ibu tunggal dari kelab Amal Kebajikan Taman Kosas Ampang, anak yatim dari Rumah Jalinan Kasih Anak-anak Yatim Miskin Selangor dan orang kurang upaya cacat penglihatan dari Yayasan Pembangunan Masyarakat Malaysia.

Sebelum memulakan majlis, Annuar meluangkan masa mengunjungi pusat membeli belah

Jakel Mall untuk melihat suasana membeli belah di Jakel dan beramah mesra dengan pengunjung dan penerima sumbangan yang hadir.

Turut hadir di majlis ini adalah Pengarah Urusan Kumpulan Jakel, Datuk Seri Mohamed Faroz Mohamed Jakel, dan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Jakel, Datuk Mohamed Nizam Mohamed Jakel.

Mengulas mengenai SOP di Jakel, Faroz menegaskan yang Jakel sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengehadkan jumlah pelanggan dalam satu-satu masa supaya penjarakan

sosial dapat dijaga seiring dengan pengimbangan MySejahtera, pemakaian pelitup muka dan penyediaan hand sanitizer.

"Saya mengajak semua rakyat Malaysia untuk membeli belah di Jakel untuk persiapan hari raya nanti. Jakel mengadakan Jualan Ramadan Raya di semua rangkaian Jakel seluruh Malaysia sehingga malam raya," ujar Faroz.

Majlis Fitrah Kasih merupakan sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) setiap tahun kumpulan Jakel untuk meringankan beban dan memberi keceriaan kepada mereka yang menerima bantuan. **WK**



MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa (dua, kiri) menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim sempena program Majlis Fitrah Kasih.



ANNUAR (kanan) beramah mesra dengan pengunjung yang hadir di Jakel Mall, Kuala Lumpur.

KL antara 10 bandar paling kurang stres di dunia

KUALA LUMPUR muncul sebagai salah satu bandar yang paling kurang tertekan di dunia untuk dikunjungi pelancong.

Menurut satu kajian yang dijalankan oleh syarikat Love2Laundry menyenaraikan ibu kota Malaysia menduduki di tempat ke-10 dan mendapat kedudukan yang baik dari segi keramahan dan kos makanan.

Ini termasuk keramahan, pengangkutan, kualiti spa, ketersediaan alam dan taman, kos makan, tempoh masa siang, indeks pencemaran udara dan kepadatan penduduk.

"Semua orang merasakan tekanan dengan cara yang berbeza, terutama ketika bercuti, tetapi kami memutuskan untuk memberi peringkat bandar dengan aktiviti dan kemudahan yang memberi pengalaman yang lebih damai

"Tujuan kami adalah untuk mengenal pasti faktor persekitaran dan sosial yang akan membantu pelancong untuk berasa lebih santai semasa mereka tinggal," kata syarikat yang berpusat di Britain di laman webnya.

Kuala Lumpur mendapat kedudukan yang baik untuk warganegaranya dan kos makan untuk dua orang di restoran kelas pertengahan. Dari segi keramahan, Kuala Lumpur menduduki tempat kedua dan di belakang Vancouver, Kanada.

Kuala Lumpur juga men-

duduki tempat kedua untuk kos makan, di belakang Jaipur, India.

Kos purata tiga hidangan untuk dua orang di restoran kelas pertengahan di Kuala Lumpur adalah sekitar £14.90 (RM84.90).

Kajian itu dibuat ketika pakar kesihatan memberi amaran mengenai peningkatan tahap tekanan dan kegelisahan atau kecelaruan mental di tengah musim pandemik COVID-19.

Dalam pada itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengatakan bahawa ia adalah perkara biasa dan mudah difahami apabila individu mengalami ketakutan pada masa-masa yang tidak menentu ini.

"Menghadapi realiti dan norma baru bekerja dari rumah, pengangguran sementara, persekolahan anak-anak, dan kurangnya hubungan fizikal dengan ahli keluarga, rakan sekerja yang lain, adalah penting untuk kita menjaga mental, dan kesihatan fizikal kita," kata WHO. **WK**

Senarai 10 bandaraya paling kurang stress

1. Adelaide, Australia
2. Vancouver, Canada
3. Honolulu, Hawaii, Amerika
4. Chiang Mai, Thailand
5. Tokyo, Jepun
6. Taipei, Taiwan
7. Madrid, Spainol
8. Singapura
9. Sydney, Australia
10. Kuala Lumpur, Malaysia

Kuala Lumpur serah trofi WBC2021 kepada Tbilisi

AZLAN ZAMBRY

SETELAH setahun penganjuran Ibu Kota Buku Dunia Kuala Lumpur (KLWBC) 2020, Kuala Lumpur menyerahkan trofi penganjuran WBC 2021 kepada Bandaraya Tbilisi, Georgia dalam satu majlis rasmi pada 24 April lalu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah**, berkata penganjuran KLWBC2020 sangat mencabar disebabkan pandemik tetapi dalam masa sama, pihaknya berjaya menganjurkan acara itu pada tahun lalu.

"Meskipun ancaman pandemik, kami berjaya melaksanakan lebih 600 acara dan aktiviti dalam penganjuran KLWBC2020.

"Inijelas tidak mudah, tetapi kami berjaya dan pasukan sekretariat KLWBC2020 telah menunjukkan prestasi yang lebih baik dan di luar



ANWAR (kanan) menyerahkan trofi penganjuran Ibu Kota Buku Dunia (WBC2021) kepada Datuk Bandar Tbilisi, Kakha Kaladze dan disaksikan Koordinator WBC Unesco, Ian Denison di Silk Factory Studio, Tbilisi semalam.

jangkaan," katanya dalam satu rakaman video yang dipancarkan pada majlis tersebut di Silk Factory Studio, Tbilisi 24 April lalu.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Tbilisi kerana

dipilih menjadi pengajur untuk WBC2021.

Terdahulu, Ketua Sekreteriat KLWBC 2020 **Anwar Mohd Zain** berkata, penganjuran KLWBC 2020 adalah sangat mencabar

ekoran seluruh dunia termasuk Kuala Lumpur berhadapan dengan pandemik COVID-19.

"Di sebalik kesukaran yang dihadapi, Kuala Lumpur telah memberikan yang terbaik untuk penganjuran WBC 2020" katanya ketika berucap dalam majlis pemahsyuran Tbilisi sebagai Ibu Kota Buku Dunia.

Anwar kemudiannya menyerahkan trofi penganjuran WBC kepada Datuk Bandar Tbilisi, Kakha Kaladze sebagai simbolik bermulanya pengajuran Tbilisi sebagai WBC2021.

Bandaraya Guadalajara (Mexico) turut dinobatkan sebagai *World Book Capital* untuk tahun 2022.

Hadir sama Ketua unit penerbitan UNESCO yang juga Koordinator WBC 2021, Ian Denison dan Presiden Persatuan Penerbit Antarabangsa (IPA), Bodour Al Qasimi. **WK**

Yayasan Ragad raikan golongan istimewa berbuka puasa

SYAHIDI BAKAR

SERAMAI 60 insan istimewa dari beberapa buah institusi kebajikan diraikan oleh Yayasan Ragad sempena Program Iftar @WeCare yang diadakan di restoran terkemuka di ibu negara, semalam.

Majlis berlangsung santai dengan amalan norma baharu menyaksikan mereka yang dirai disantuni tetamu kenamaan dengan 'Sampul Raya' sambil menikmati hidangan bufet bermenukan masakan tradisi Lubnan.

Pengarah Komunikasi Korporat juga Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Ragad, **Datuk Riffai Husein** berkata, kesemua anak istimewa itu daripada empat entiti kebajikan di Kuala Lumpur iaitu Persatuan Down Syndrom, Differently Able Society, Rumah Titian Kasih, Titiwangsa dan juga Thafiz International Quranic Centre diraikan pada majlis berbuka puasa.

Katanya, inisiatif diambil

sebagai usaha memberi keriangan kepada mereka yang mungkin tiada peluang menikmati hidangan berbuka di restoran seumpamanya, selain bagi zahirkan keprihatinan Yayasan Ragad terhadap anak-anak istimewa ini yang kurang bernasib baik.

"Ramadan Kareem bukan sekadar menahan diri daripada makan dan minum, ia membawaerti lebih luas termasuklah peluang umat Islam rasai keserasian, perlu saling membantu serta ruang bersedekah dan berkumpul pada waktu berbuka bersama keluarga ataupun rakan beramai-ramai.

"Melalui konsep ini, puasa kita perlu diterjemah sebagai rasa keserasian orang lain, mendorong diri membantu mereka memerlukan seterusnya memupuk rasa kasih sayang sesama insan. Jadi ini cuba diterap Yayasan Ragad melalui pelbagai program dan aktiviti kebajikan dijayakan," katanya pada Program Iftar @WeCare, di Kuala Lumpur.

Majlis meraikan insan



PENGURUS Yayasan Ragad, Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Ragad Kurdi Taib (lima dari kanan) bergambar bersama kenamaan, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun (kiri) yang turut hadir ke majlis Iftar@WeCare bagi meraikan 60 warga istimewa di Al-Amar Restauran, Pavilion.

istimewa ini diserikan lagi keberangkatan tiba Pengurus Yayasan Ragad, Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Ragad Kurdi Taib yang turut berkenan berbuka puasa bersama para tetamu yang hadir.

Yang turut hadir, Yang Amat Mulia Tengku Puteri Meriam Al-Marhum Sultan Ahmad Shah; Duta Emiriah Arab Bersatu ke Malaysia, Khalid Ghani Mohammad; Pengurus

Eksekutif Kumpulan KK Supermart Datuk Seri KK Chai.

Selain daripada itu, wakil Maya Progressive Sdn. Bhd., Mayani Bohari dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Zaizalnizam Zainun turut hadir sambil meluangkan masanya beramah mesra serta memberi sumbangan duit Raya untuk anak-anak istimewa yang diraikan. **WK**

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com

Syahidi Bakar

diwilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annur
affandywilayahku@gmail.com
Mohd Fadly Bharudin
fadlybharudin@gmail.com
Taufik Mohd Pauze
kikkywilayahku@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwkvt@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@yayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@yayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran101@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIR

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Jumaitul Laily Zakiah Ismail
jumaitul@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm88@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre
Nur Hazirah Mohamed Halim
Diana Syuhada Mohd Amir
Muhammad Adib Zailani



Kekalkan disiplin di bazar Ramadan

TAHNIAH! Seronok melihat operasi bazar Ramadan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya yang kini lebih teratur dan terkawal, berbanding dengan hari-hari awal bazar tersebut beroperasi.

Keluár masuk ke bazar lebih lancar dan tersusun. Orang ramai lebih berdisiplin, tidak lagi berpusu-pusu begesel bahu dan badan dengan mengabaikan sama sekali Operasi Prosedur Standard (SOP) seperti penjarakan fizikal fizikal.

Mereka lebih sabar berbaris menunggu giliran masuk ke bazar. Suhu badan juga diambil. Peraturan berbaris dan menunggu giliran dapat mengelakkan kumpulan ramai pada satu-satu masa dan penjarakan fizikal dapat dipatuhi. Cara ini akan mengurangkan risiko penularan COVID-19 yang kita semua takuti.

Selama ini pun sejak COVID-19 melanda dan SOP dikuatkuasakan, orang ramai mematuhi dengan baik dalam urusan sehari-hari. Mereka akur dengan SOP, berbaris dan menjaga penjarakan fizikal dalam melaksanakan urusan atau melakukan kerja.

Namun apabila tiba bazar Ramadan, tiba-tiba situasi ini berubah. SOP bagi dilupakan dan berebut-rebut apabila membeli juadah di bazar. Yang bakal menanggung risiko ialah mereka sendiri, malah boleh menyebarkannya kepada orang yang tidak pun datang ke bazar.

Di samping itu, nasihat untuk pengunjung, jangan mengambil terlalu banyak masa sewaktu membeli. Segera pilih dan beredar. Ini untuk kebaikan sendiri di samping memberi peluang kepada yang menunggu untuk mandat giliran pula. Janganlah hanya mementingkan diri sendiri.

MKT UMNO ambil langkah bijaksana

TENANG dan di luar dugaan. Mungkin itulah kesimpulan ramai orang apabila Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO pada Ahad 25 April lalu tidak sepanas seperti diramal. Ramai beranggapan isu-isu hangat menyentuh parti akan dibincangkan. Tetapi tidak begitu jadinya, mungkin kerana mengambil semangat bulan Ramadan.

Bagi Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, beliau sendiri mengalui suasana tenang dalam mesyuarat MKT itu. Baginya MKT telah mengambil langkah bijaksana dan cermat tanpa mewujudkan polemik baharu dalam mesyuarat berkenaan.

Ahli Parlimen Ketereh itu berpandapat, ini adalah masa terbaik untuk berfikir dan memperbetulkan kekusutan yang sedang melanda UMNO.

Pada beliau, yang lebih penting ialah imej dan persepsi rakyat terhadap parti. Kerana itu persepsi wajar segera diperbaiki dan solidariti di kalangan anggota parti perlu segera diperkuuh kembali. Semoga hasrat Annuar ini dihayati oleh semua ahli parti.

Sebelum mesyuarat MKT itu, wujud andaian isu seperti audio perbualan yang dikatakan antara Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dengan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dibincangkan. Sehingga kini ia masih menjadi bualan ramai.

Begitu juga isu pemilihan parti dan pemecatan Ahli parlimen Arau, Datuk Seri Shahidan Kassim sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Perlis sehari sebelum mesyuarat MKT. Mungkin ini tidak dibincangkan kerana pemecatan adalah hak presiden.

Seperi kata Setiausaha Agung, Datuk Seri Ahmad Maslan, MKT hanya membincangkan hal biasa. Mesyuarat juga tidak menetapkan bila pemilihan parti akan diadakan, samada menurut jadual yang sepatutnya pada Jun ini atau ditangguhkan. Sebelum ini banyak terdengar desakan agar pemilihan diadakan tanpa penangguhan kerana pemilihan pada 2018 juga ditangguhkan. Namun belum ada kata putus mengenai hal itu.



PAKEJ
CUTI
PENJAWAT
AWAM

Bagus Baini !

SABAH & LABUAN

Tawaran pakej sah sehingga
31 Disember 2021



Enchanting
SABAH
Malaysian Borneo



Sila layari

www.malaysia.travel/deals-packages

'Invisible Proverty'



DATUK BUDIMAN
MOHD ZOHDI

DIA bukan gelandangan. Dia juga tidak tinggal di perkampungan setinggan. Rumahnya jenis teres dua tingkat di kawasan perumahan kos sederhana di pinggir bandar.

Dia mempunyai pekerjaan tetap dengan pendapatan bulanan RM3,000, tetapi gaji bersih yang dibawa pulang setelah ditolak EPF, SOCSO dan pinjaman koperasi hanyalah RM2,300.

Isterinya juga bekerja sebagai pembantu perakaunan di sebuah firma dan membawa pulang gaji bersih RM1,900 sebulan.

Dengan hanya mempunyai tiga orang anak dan tiada mempunyai tanggungan lain, dia sekeluarga sepatutnya menikmati hidup yang agak selesa walaupun mungkin belum boleh bersenang-senang.

Yang pasti dia tidak termasuk kategori miskin, jauh sekali miskin tegar sebab mereka berada agak jauh di atas PGK (Paras Garis Kemiskinan).

Tetapi itu gambaran secara luaran. Realitinya berbeza.

Pendapatan dia dan isterinya memang ada, dan berstatis tetap, tetapi jumlahnya tidak pernah mencukupi untuk menampung keperluan hidup.

Untuk ansur rumah, ansuran sebuah kereta terpakai (yang sebuah lagi, yang digunakan oleh isterinya telah habis dibayar), petrol, tol dan bayaran tempat letak kereta, dia dan isteri memerlukan sekurang-kurangnya RM2,300 sebulan.

Untuk bil elektrik, air, saluran televisyen berbayar, internet dan bil telefon mudah alih, sejumlah RM750 diperlukan.

Tambang bas sekolah untuk dua anak yang bersekolah rendah dan belanja saku harian RM400, susu bayi, lampin pakai buang dan yuran pusat asuhan anak bongsu RM750.

Perbelanjaan barang runcit dan barang basah RM350, pembelian makan minum (kerana isterinya sering tidak sempat memasak disebabkan tuntutan waktu kerja) RM400, ansur perabot RM120 dan pembayaran balik PTPTN.

Berapakah yang tinggal? - RM610 sebulan atau -RM7320 setahun. Jumlah itu tidak



GOLONGAN yang terperangkap dalam kemiskinan tersembunyi selalu tercincir daripada menerima bantuan kerajaan.

termasuk perbelanjaan-perbelanjaan perlu lain seperti membaiki kenderaan, menukar bateri kereta, mengganti tayar kereta, membaiki peralatan rumah, yuran persekolahan anak, ayam goreng segera atau pizza sekala sekala untuk anak-anak, petrol dan tol untuk balik ke kampung setahun dua atau tiga kali.

Walaupun dia dan isterinya tidak perlu mengirimkan wang kepada ibu bapa masing-masing setiap bulan kerana keluarga mereka boleh dikatakan berada, namun setiap kali balik kampung, mereka hulurkan juga seratus dua ratus ringgit. Apabila dijumlahkan semuanya, angka-RM7320 itu dengan mudah melonjak menjadi -RM10,000 atau lebih!

Jadi, masih senangkah dia? Masih bolehkah dia dikatakan bebas daripada kemiskinan?

Di mata kasar dia dan keluarganya tidak miskin. Tetapi realitinya dia miskin dan orang seperti dia inilah yang dikategorikan sebagai 'invisible poor'.

Golongan ini jarang dipedulikan orang. Nama mereka tidak berada dalam senarai e-kasih. Duka mereka tidak pernah didekah oleh media.

Oleh itu tidak ada pemimpin atau wakilnya datang bertanya khabar. Tidak ada dermawan menghantar bantuan.

Di Kuala Lumpur jumlah mereka ini tidak sedikit. Malah saya yakin angkanya lebih besar daripada jumlah mereka yang

dikategorikan miskin atau miskin tegar.

Tetapi disebabkan miskin mereka tidak kelihatan maka mereka tidak dianggap sebagai beban dan masalah kepada Kuala Lumpur, atau mana-mana juga kota yang mereka diamti.

Memang benar, turut disenaraikan dalam kelompok 'invisible poor' ini adalah kalangan yang tidak pandai mengurus wang dan hawa nafsu.

Mereka berpendapatan tetap, dan mungkin juga lumayan, tetapi mereka boros berbelanja.

Mengamalkan gaya hidup yang menuntut perbelanjaan yang tinggi, menggunakan kereta yang melebihi tahap kemampuan, makan minum di tempat-tempat mewah dan sebagainya.

Untuk menampung keperluan mereka perlu meminjam atau berhutang. Mereka hidup dalam ketidakcukupan serta miskin secara berterusan.

Yang harus kita pedulikan adalah golongan yang tercampak ke dalam kelompok 'invisible poor' atas sebab-sebab yang tidak dapat dielak, atau sukar dielak.

Mereka yang menjadi miskin kerana keperluan dan tuntutan hidup.

Mereka yang beroleh pendapatan yang betul tetapi berada di tempat yang salah, dengan pendapatan yang mereka perolehi mereka boleh menjadi orang kaya jika tinggal di kampung.

Tetapi di Kuala Lumpur, atau

“Berbanding dengan golongan miskin tegar, mereka ini sentiasa mendapat perhatian dan ehsan pelbagai pihak. Golongan ‘invisible poor’ ini agak malang, mereka selalunya tidak mendapat apa-apa kerana mereka sering tampak senang daripada kelihatan susah.”

kota besar lain seumpamanya mereka terpaksa gali lubang tutup lubang.

Berbanding dengan golongan miskin tegar, mereka ini sentiasa mendapat perhatian dan ihsan pelbagai pihak.

Golongan 'invisible poor' ini agak malang, mereka selalunya tidak mendapat apa-apa kerana mereka sering tampak senang daripada kelihatan susah.

Saya bukan ahli sosiologi dan bukan juga ahli ekonomi. Penghususannya saya dalam bidang sains politik.

Isu kemiskinan jangan dilihat daripada sudut politik semata kerana politik ada ketikanya gagal menyediakan jawapan yang jujur kepada sesetengah persoalan.

Oleh itu saya memilih untuk melihatnya daripada sudut orang kebanyakan, apa yang rakyat marhaen rasakan.

Isu 'invisible poverty' ini, pada pendapat saya, tidak harus dipandang remeh. Ia perlu didekati dan 'dikenali' kerana jika dibiarkan kesannya terhadap sosio-ekonomi sesebuah bandar cukup buruk.

Ia boleh menjadikan produktiviti, merosakkan kesihatan dan dalam keadaan lebih serius membuka pintu kepada rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Pintu yang selalunya menjadi pilihan mudah bagi mereka yang berdepan dengan tekanan ekonomi.

Langkah awal yang mungkin patut diambil ialah membetulkan tanggapan terhadap kemiskinan bandar. Kayu pengukurnya tidak harus bergantung pada pendapatan keluarga semata-mata.

Sebaliknya tumpuan perlu diberikan kepada soal keperluan keluarga. Selagi tanggapan ini tidak dibetulkan selagi itu kita akan melihat kemiskinan dengan perspektif

yang salah.

Akibatnya kita mungkin akan mengambil langkah-langkah yang salah untuk menanganinya.

Sebuah keluarga dengan pendapatan RM2,500 tetapi hanya mempunyai seorang anak dan tinggal di flat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kadar RM124 sebulan adalah jauh lebih 'kaya' daripada keluarga berpendapatan RM5,000 dengan lima anak yang perlu membayar ansuran rumah RM1,200 sebulan.

Tetapi kerana kita telah dibiasakan untuk mengukur taraf kehidupan seseorang dengan di mana dia tinggal dan berapa pendapatannya, maka yang malang adalah mereka yang miskinnya tidak kelihatan itu.

Hak mereka untuk mendapat sokongan dan bantuan, sekurang-kurangnya daripada segi moral, terbiar dan terabai.

Dan sedar tidak sedar kita telah menzalimi mereka sedangkan dalam kalangan mereka itu mungkin ada kawan rakan dan handai taulan kita atau mungkin diri kita sendiri!

Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Maksud Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan



KIRA-KIRA RAMADAN

Manusia tak berkira-kira mengganda juadah berbuka berbazarkan seribu selera berbufetkan sejuta pilihan Tuhan tak juga berkira-kira mengganda puluh-ratus paahla memberatkan timbang neraca bertahilan seribu rembulan

Jadi, mengapa pula malam ini setelah perut kosong dipenuhi tiba-tiba, berkira dan bergaduh lapan rakaat atau dua puluh satu surah atau satu juzuk sepuluh paahla atau tujuh ratus sepuluh awal atau akhir malam genap atau ganjil?

Berjuta kita tak berkira pada lazat tetapi berkira pula pada ibadat apakah kita telah melupakan puasa sebenarnya untuk Tuhan?

Istajib Mokhtar
Kuala Lumpur

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM

Wilayah Ku

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Hijrah warrior berubah baiki diri

GELANDANGAN di Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana, Kuala Lumpur, membuktikan semangat dan iltizam untuk memperbaiki diri adalah pembakar semangat untuk mengubah kehidupan ke arah lebih baik.

Dengan projek pertanian bandar atau 'urban farming' yang mereka usahakan, mereka membuktikan sekali gelandangan, bukan bermakna terus menjadi gelandangan.

Bagi Adi, adalah sesuatu yang menggembirakan apabila menyaksikan usaha yang dilakukan untuk membantu kelompok yang memerlukan bagi membolehkan mereka berdikari, mencapai kejayaan.

Segala usaha yang ditabur tidak sia-sia apabila kelompok ini berjaya mengubah kehidupan mereka ke arah lebih baik.

Tentunya perasaan ini dirasai oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, yang selama ini berusaha mengubah kehidupan golongan gelandangan di Wilayah Persekutuan khususnya.

Beliau mahu mereka membina hidup baharu, tidak terus ke sana sini tanpa arah tujuan dan berterusan meminta bantuan daripada orang lain.

Gelandangan yang diletakkan di penempatan seperti Pusat Transformasi Gelandangan, Jalan Pahang, dan Anjung Kelana, Kuala Lumpur, diberi latihan agar mampu berdikari dengan berniaga atau melakukan kerja lain.

Malah mereka yang ada masalah dahad diantar ke pusat pemulihian agar dapat dipulihkan dan kembali ke pangkuhan masyarakat sebagai insan berguna.

Walau pun ramai beranggapan gelandangan ini tidak dapat diubah, Annuar berfikiran sebaliknya. Terbukti gelangan yang beliau namakan sebagai 'hijrah warrior' (pahlawan hijrah) sudah berhijrah daripada kehidupan suram kepada kehidupan lebih bahagia.

Bagi Adi, gelandangan boleh berubah asalkan mereka benar-benar beriltizam ke arah itu. Gelandangan di Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana yang mengusahakan pertanian bandar membuktikan hakikat ini.

Hanya dengan tanah seluas 82,000 kaki persegi di bekas tapak Desa Waterpark, gelandangan yang menetap sementara di situ berjaya menukar kawasan tersebut kepada kawasan pertanian bandar.

Manfaatnya sudah pasti berpulang kepada gelandangan itu sendiri. Mereka mempunyai

“Adi akui, di ibu kota kekurangan tanah adalah isu serius untuk melaksanakan projek pertanian. Namun ia tidak seharusnya menjadi penghalang kerana pertanian masih boleh dijalankan dengan kaedah lain seperti fertigasi atau hidroponik.”

pekerjaan dan pada masa sama mampu menjana pendapatan.

Pada peringkat awal, tanaman adalah yang mudah ditanam dan dapat dituai pada waktu singkat. Antaranya kangkung dan keledek.

Dalam perancangan ialah tanaman timun, bendi, kacang buncis, bayam, sawi dan tembikai.

Kesemuanya dijangka boleh dituai antara dua hingga tiga bulan. Pasaran juga bukan masalah. Ada hasil adalah kaedah pemasaran.

Gembira dengan transformasi positif di Anjung Kelana ini, Annuar bertekad untuk terus membantu gelandangan yang mau memperbaiki diri.

Inisiatif baharu akan dilaksanakan bagi memastikan kelompok tersebut terus menjadi usahawan tani berjaya.

Adi akui, di ibu kota kekurangan tanah adalah isu serius untuk melaksanakan projek pertanian.

Namun ia tidak seharusnya menjadi penghalang kerana pertanian masih boleh dijalankan dengan kaedah lain seperti fertigasi atau hidroponik.

Seiring itu Annuar memberitahu, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) akan mewujudkan 'precision farming' berskala besar menggunakan teknologi moden seperti fertigasi dan hidroponik dalam sebuah bangunan di



PROJEK kebun bandar yang dilaksanakan dapat membantu gelandangan untuk kembali kepada masyarakat dan mengubah kehidupan mereka.

Putrajaya tahun ini.

Adi difahamkan, Perbadanan Putrajaya (PPj) sudah pun meluluskan bangunan untuk pelaburan bernilai jutaan ringgit itu.

Kerana kekangan tanah, jika ada pun kosnya tinggi, fertigasi dan hidroponik sememangnya lebih sesuai. Melalui konsep ini, pertanian berskala besar boleh dijalankan.

Program yang akan dijalankan di Putrajaya itu sendiri merupakan program terbesar di Malaysia.

Pastinya projek ini akan memberi banyak manfaat kepada gelandangan. Ia bakal menyediakan peluang pekerjaan di kalangan mereka dan memberi rezeki untuk kelangsungan hidup agar tidak kembali kepada cara kehidupan lama.

Adi percaya dengan bantuan KWP, diiring semangat gigih gelandangan untuk memperbaiki diri dan keluar daripada belenggu kemiskinan, program pertanian bandar ini akan mampu mengubah kehidupan mereka.

agar tidak cair. Biasanya memang tahan sehingga dijual pada petang hari.

Ini juga pengalaman manis Adi kerana biasanya Adi yang kena membeli air batu ini. Namun emak selalu mengingatkan apabila sudah beli cepat bawa balik.

Jika tidak ais batu akan cair di perjalanan. Sampai rumah tinggal bungkusan surat khabar kosong!

Tentulah suasana ini tidak pernah dialami oleh penduduk bandar besar seperti Kuala Lumpur yang mempunyai peti sejuk sendiri.

Nampak susah dan rumit bagi orang kampung tetapi sebenarnya ia adalah pengalaman berharga yang tidak dapat dirasai oleh orang bandar.

Waktu malam, Adi ada kala mengikut bapa ke surau untuk bersolat jemaah dan tarawih.

Biasanya hanya pada hari tidak bersekolah. Pada hari biasa Adi tidak pergi kerana bimbang mengantuk waktunya hendak ke sekolah esoknya.

Memang seronok selepas habis tarawih akan diadakan pula jamuan moreh.

Penduduk kampung membawa makanan dari rumah masing-masing untuk dinikmati bersama. Air minuman pula biasanya disediakan oleh pihak surau.

Hidup di kota raya tidak mengubah naluri kampung yang ada pada diri Adi. Kenangan desa tidak akan terpadam.

Selalu juga balik kampung waktu Ramadan untuk berpuasa di sana. Namun kini dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak dapat berbuat demikian.

Tinggal lah semuanya sebagai kenangan mengusik jiwa.

- Adi Tuah

SKETSA



SAJAK

MENGEJAR IMPIAN

Malam itu
dua sahabat sedang berbicara
di bawah tiang lampu tanpa cahaya
mereka berceritakan masa depan
yang lama tersemai di kalbu
kerana esok bakal dirindu
mereka dilambung perpisahan
mengejar impian
di sebuah kota dugaan.

Lim Wei Wen
Universiti Teknologi Malaysia
21 April 2021

Kekang penularan COVID-19, mesra alam

YWP selangkah ke era bandar pintar

AINI MAWAWI

SEJAJAR usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menuju Bandar Pintar Wilayah Persekutuan (MYSmart Wilayah 2030), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) mengambil langkah awal menggunakan kad nama digital sekali gus mengekang penyebaran virus COVID-19.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, kad yang menggunakan teknologi komunikasi tanpa wayar jarak jauh (NFC) dan imbasan kod QR itu merupakan inisiatif ke arah pendigitalan sepenuhnya.

“Ia akan menjadikan operasi YWP lebih efisien dan tersusun selain melaksanakan beberapa pendigitalan baru kepada tatacara kerja yang menjimatkan masa antaranya dari segi penyaluran bantuan serta sumbangan.



ZAIZALNIZAM



YAYASAN
WILAYAH PERSEKUTUAN

“Seperti sedia maklum, YWP berperanan membantu rakyat, jadi dengan teknologi ini bantuan boleh dipercepatkan. Kita juga dalam usaha untuk ke tahap yang mana setiap penerima sumbangan turut menggunakan kad ini.

“Apabila mereka datang kepada kita, semua maklumat sudah ada di dalamnya dan hanya dengan satu sentuhan di telefon pintar, segala info berkaitan dipaparkan di skrin,” ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, kad yang mengandungi maklumat penting berhubung identiti pekerja ini juga dapat mengelakkan penyebaran virus COVID-19 berbanding amalan penyerahan kad secara fizikal yang biasa dilakukan.

“Kita rasa peluang penyebaran



KAD nama digital hanya perlu diletakkan berhampiran telefon yang mempunyai perisian NFC bagi mendapatkan butiran seperti nombor telefon pemilik.

virus melalui kad nama digital agak rendah tetapi inilah usaha kita. Selain itu, ia juga akan mem-

bantu mengurangkan penggunaan kertas pada masa hadapan,” ujar Zaizalnizam.

Beliau juga berharap agar ia turut digunakan oleh pihak kementerian dan juga semua agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

“Akan datang pihak sumber manusia juga boleh mengemas kini segala maklumat peribadi kakitangan, merekad kehadiran dan sebagainya selain pada masa kini, kad digital ini turut mempunyai carian pantas ke lokasi pejabat kakitangan. Diharap ia memberi manfaat kepada kakitangan.

“Itulah tujuan saya dan permulaan ini kita mulakan dengan perkara yang paling mudah selepas itu kita akan pindah kepada perkara yang lebih besar dan akhir sekali barulah kita boleh capai impian menteri kearah Bandar Pintar Wilayah Persekutuan,” tegas beliau.

Terdahulu, agensi yang berkepentingan dengan kementerian ini merupakan organisasi pertama menggunakan kad nama digital dengan teknologi NFC. **WK**

140 warga Rumah Titian Kaseh dirai

NAZWIN NAZRI

SEMPENA Ramadan yang penuh mulia ini, seramai 140 warga Rumah Titian Kaseh, Kuala Lumpur diraikan dalam majlis berbuka puasa tajaan The 5 Elements Hotel.

Pengurusnya, **Shaik Firdaus** berkata, program tersebut merupakan aktiviti keprihatinan korporat yang dianjurkan pihaknya untuk menyantuni golongan-golongan insan istimewa seperti anak yatim dan warga emas.

“Ia merupakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) hotel atas tanda keprihatinan dalam bidang kebajikan.

“Sudah menjadi satu tradisi untuk memilih dan mencari golongan-golongan yang wajar untuk diraikan bersempena bulan Ramadan ini,” katanya kepada *Wilayahku*.

Sementara itu, salah seorang penghuni Rumah Titian Kaseh, **Rahimah Abdullah**, 10, berkata, dia sangat gembira dengan majlis berbuka puasa yang dianjurkan.

Katanya, selain rasa dirai, dia dan rakan dapat menikmati juadah istimewa.

Bagi pemilik Rumah Titian Kaseh, Sharifah Adlan, 67, pula, sumbangan yang diberikan syarikat korporat dan persendirian banyak membantunya membangun serta menjaga penghuni di pusat jagaannya.

“Saya dan ibu tunggal yang berada di sini menjana kewangan



FELICIA (tiga dari kanan) bersama anak yatim selepas majlis berbuka puasa dan penyerahan duit raya.



RAHIMAH

dengan membuat kuih seperti rempelyek, biskut coklat, tart nenas dan sebagainya.

“Ibu tunggal diberi kemahiran yang sewajarnya supaya mereka boleh menjana pendapatan sendiri selepas keluar daripada pusat jagaan ini,” jelasnya.

Menurut Sharifah atau lebih dikenali sebagai Mak Pah, anak yatim yang diantar untuk diajanya pula diberikan pendidikan seperti kanak-kanak sebaya yang lain.

Justeru, dia memohon bantuan dan sumbangan daripada

pihak berwajib seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) susulan kebanyakan anak yatim yang diserah tidak diberikan bantuan bulanan yang sepatutnya selaras arahan mahkamah.

Selain itu katanya, dia juga tidak mendapat sumbangan daripada baitulmal disebabkan status ‘pusat kebajikan’.

Terdahulu, program dimulakan dengan berbuka puasa dan solat magrib berjemaah.

Majlis kemudian diteruskan dengan upacara penyerahan duit raya oleh Pengarah The 5 Elements Hotel merangkap penggerusi eksekutif PAOS Holdings Berhad, Felicia Lim. **WK**

Kerajaan perlu rangka dasar teknologi - SERI

KERAJAAN perlu merangka dasar teknologi yang akan memastikan pelaksanaan Rangka Tindakan Ekonomi Digital dengan holistik.

Ketua Pegawai Eksekutif Inisiatif Penyelidikan Sosial dan Ekonomi (SERI), **Dr Helmy Haja Mydin** berkata, ia susulan negara pada masa ini sedang berhadapan krisis kesihatan dan ekonomi semasa yang merundum.

Mengulas mengenai kepentingan menggalakkan pembangunan bakat-bakat digital Malaysia, beliau berkata, kemahiran yang dimiliki individu akan menjadi blok binaan ekonomi pasca COVID-19 yang berdaya tahan.

“Dalam dunia semasa yang

dipenuhi gangguan teknologi dan perubahan yang ketara, bakat dan pendidikan serta kebolehpasaran graduan adalah faktor pendorong kritis yang memastikan peluang ekonomi terbesar secara inklusif.

“Oleh itu, kami (SERI) bersama dengan Microsoft, berhasrat untuk membentangkan kepada kerajaan tentang pememuan dan cadangan dasar untuk membolehkan cita-cita Digital Malaysia tercapai,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Terdahulu, mesyuarat pertama MYDigital Alliance dihadiri wakil daripada agensi kerajaan, pemimpin industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ahli akademik. **WK**



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (hal Ehwal Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed (duduk, tengah) bersama wakil kementerian dan swasta semasa mesyuarat MYDigital Alliance baru-baru ini.

REALITI KEHIDUPAN

FaktaKu

30 APRIL - 6 MEI 2021 . BIL 113

Wilayah Ku



Prihatin Ramadan terap amalan sedekah



NAZWIN NAZRI

BERTUNJANGKAN 'Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin' yang dilanungkan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memperkenalkan Program Prihatin Ramadan sempena bulan mulia ini.

Pelaksanaan itu bertujuan untuk menerapkan lagi nilai kasih sayang dan prihatin dalam kalangan komuniti Wilayah Persekutuan khususnya kepada golongan miskin serta mereka yang kurang berkemampuan.

Ia juga bagi meningkatkan kepercayaan komuniti terhadap kerajaan, yang jelas membantu mengurangkan bebanan golongan miskin bandar yang begitu terkesan pada masa ini.

Selain itu, dengan adanya program seumpamanya, hubungan antara pihak kerajaan dan rakyat dapat dieratkan di samping memperkuuhkan komunikasi serta hubungan kerjasama bersama komuniti setempat.

Malah, ia dapat mengimarahkan amalan bersedekah di bulan Ramadan melalui pemberian sumbangan kepada golongan memerlukan.

Mengambil contoh Program Prihatin Ramadan yang dianjurkan bersama gelandangan yang dianjurkan di Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana, Kuala Lumpur baru-baru ini, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa menyeru, kumpulan sasar berkenaan diberi peluang.

Malah beliau menegaskan supaya, golongan gelandangan itu diberi nafas baru menerusi program-program komuniti yang dilaksanakan kerajaan.

BERSAMBUNG DI MUKA 10

CAKNA
GELANDNGAN
DI WILAYAH PRIHATIN

Raikan Ramadan dalam suasana gembira Kumpulan rentan tidak dipinggirkan

DARI MUKA 9

BERSEMPENA Ramadan yang mulia ini, Program Prihatin Ramadan yang diadakan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bakal memberi manfaat besar kepada golongan rentan termasuk gelandangan.

Mereka bukan hanya diberi sumbangan tunai, malah turut dibantu dalam aspek keperluan harian dan barang dapur di samping mempersiapkan diri untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Konsep yang diperkenalkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan itu akan memberi fokus kepada kira-kira 2,000 asnaf yang berdaftar dengan agensi berkaitan.

Menerusi program sulung yang dianjurkan bersama gelandangan di Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana, Kuala Lumpur baru-baru ini, Menteri Wilayah

Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa menzhirkan hasrat untuk memberi nafas baharu kepada kelompok berkenaan.

“Melalui Program Prihatin Ramadan yang diadakan ini, kita dapat beramah mesra dengan penghuni Anjung Kelana di samping memberi peluang kepada mereka berkongsi pengalaman hidup dan bertukar fikiran.

“Adalah menjadi hasrat kementerian, program sebegini dapat memberi nafas baharu kepada golongan gelandangan atau *Hijrah Warrior*.

“Ia sekali gus dapat mentransformasikan mereka untuk keluar daripada kepompong asal (gelandangan) sehingga menjadi usahawan tani berjaya,” katanya ketika berucap pada majlis tersebut.

Malah, ujar beliau, sejajar dengan objektif program yang ditekankan dan kemuliaan bulan Ramadan, gelandangan yang sebelum ini hanya dibantu dengan pemberian makanan boleh menghasilkan makanan selain mampu menjana pendapatan sendiri.

Tambah beliau, dengan langkah



BILIK dan kemudahan yang lebih selesa disediakan di Anjung Kelana.

itu juga, pihaknya dapat membina kesedaran masyarakat supaya lebih cakna dan prihatin untuk membantu kumpulan rentan.

Difahamkan, Program Prihatin Ramadan akan diadakan di beberapa kawasan sekitar dan meliputi seluruh agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Komponen sumbangan kepada golongan sasar adalah wang tunai sebanyak RM150 dan barang keperluan asas kepada setiap penerima yang bernilai RM50.

Dianggarkan kira-kira 2,000 asnaf di seluruh Wilayah Persekutuan akan menerima sumbangan berkenaan. **W.K**



ANNUAR meluangkan masa untuk bertanya khabar dengan penghuni Anjung Kelana.

Sumbangan YWP gembirakan hati penghuni Anjung Kelana

JELAS kelihatan riak wajah gembira penghuni Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana, Kuala Lumpur setelah menerima sumbangan menerusi Program Prihatin Ramadan baru-baru ini.

Sumbangan disampaikan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Anuar Musa kepada 64 orang gelandangan dalam

bentuk wang tunai dan barang asas harian yang terdiri daripada biskut dan kuih raya.

Menurut salah seorang penghuni, **Abdul Jalil**, 51, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) telah mengambil inisiatif terbaik untuk menjaga kebajikan penghuni di sini.

“Program Prihatin Ramadan

ini sangat bagus. Melalui program ini juga, kami menerima banyak sumbangan daripada YWP dan DBKL.

“Malah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut sama menghulurkan bantuan,” katanya kepada Wilayahku selepas selesai Program Prihatin Ramadan.

Selain itu, **Muhammad**



ABDUL JALIL



MUHAMMAD FAIZAL



RAHMAT

Faizal Abdullah, 37, berkata, pada peringkat awal dia tiba di Anjung Kelana, dia berasa susah hati namun selepas sebulan, pihak DBKL banyak memberi kemudahan dan bantuan.

Di turut menyatakan, banyak sumbangan diterima dari segi wang tunai mahupun makanan dan keperluan harian melalui program-program yang dianjurkan.

“Mereka juga sangat menjaga kebajikan kami terutamanya dari segi tempat tinggal, makanan, pakaian dan banyak lagi,” katanya.

Keterujaan itu turut dirasai **Rahmat Sirun**, 65, dengan perasaan berbesar hati.

Di turut mengucapkan

ribuan terima kasih kepada Yayasan Wilayah Persekutuan di atas pemberian sumbangan dan bantuan kepada golongan seperti mereka.

Program anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama YWP dan DBKL bertujuan untuk menggembirakan penghuni Anjung Kelana di samping menyediakan kemudahan barang asas harian mereka di bulan Ramadan.

Hadir sama, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa; Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah. **W.K**



BARANGAN harian dan wang tunai yang disumbangkan menceriakan penghuni Anjung Kelana untuk menjalani Ramadan.

“Cuti-cut Malaysia” dan “Pusing Selangor Dulu” sempena Sambutan Hari Raya 2021

Dekorasi lebaran di 8 pusat beli-belah di Negeri Selangor meriah!



PUSAT beli-belah di Negeri Selangor tidak melepaskan peluang untuk memeriahkan suasana Hari Raya yang bakal menjelang. Pelbagai tema yang diketengahkan oleh pusat beli-belah ini tentunya akan menggantikan suasana lebaran dan menarik kehadiran para pengunjung. Sekiranya anda memilih untuk “Cuti-Cuti Malaysia” dengan “Pusing Selangor Dulu”; di sini disenaraikan 8 pusat beli-belah dengan hiasan lebaran yang indah untuk orang ramai kunjungi.

PARADIGM MALL

Paradigm Mall membawakan elemen sawah padi yang cantik dan menjadi tema untuk lebaran tahun ini! Kunjungi dan rasai suasana kampung yang unik dan beli-belah barang keperluan Raya anda di sini.

Kongsikan perasaan kasih sayang anda dengan menyumbangkan pakaian terpakai yang masih elok dengan meletakkan ke dalam tong sumbangan yang terletak di Upper Atrium, Tingkat UG. Kain-kain ini akan digubah oleh Komuniti Tukang Jahit dan akan dihadiahkan kepada kanak-kanak oleh pihak MAKNA.

Derma wang juga dialu-alukan untuk menjayakan program ini. Singgah ke kaunter Concierge, Tingkat G untuk mengetahui lebih lanjut mengenai cara sumbangan. Selain itu, kunjungi Vendor Raya mereka di tingkat UG untuk mendapatkan pelbagai jenis produk dari kek, biskut raya, kurma, hamper, baju raya dan banyak lagi!

SUNWAY PYRAMID

Jom singgah ke kawasan R&R Sunway Pyramid sempena musim perayaan ini! Nikmati suasana ceria

dengan pelbagai aktiviti, hadiah eksklusif dan promosi yang menarik di Sunway Pyramid menjelang Hari Raya! Datang berbelanja di Sunway Pyramid dan singgah ke stesen R&R Lion di Orange Concourse, tingkat LG2 bermula dari 16 April hingga 30 Mei.

Nikmati tawaran perayaan, beli barang keperluan Raya, berbuka puasa dengan pilihan lebih daripada 120 gerai halal, tebus hadiah dan rebut peluang untuk memenangi sebuah Proton X70!

1 UTAMA SHOPPING CENTRE

Kunjungi Rumah Tradisional setinggi 35 kaki di 1 Utama Shopping Centre, dengan Tangga Melaka yang gah. Bagi mereka yang tidak dapat pulang ke kampung halaman, 1 Utama Shopping Centre telah mempersiapkan pengalaman pulang ke kampung dengan senibina 12 rekabentuk tangga yang berwarna-warni, serta hiasan yang menarik di seluruh 1 Utama Shopping Centre!

IOI CITY MALL

Aidilfitri menjelang tiba! Tahun

ini, IOI City Mall menawarkan suasana kembali ke kampung untuk mengubati kerinduan anda pada orang yang tersayang di kampung halaman.

Walaupun jauh di mata, namun dekat di hati. Jangan lepaskan peluang untuk merasai kegembiraan Aidilfitri Sepanjang Zaman bersama IOI City Mall!

SETIA CITY MALL

Kejutan menarik menanti anda di Setia City Mall! Bermula 16 April hingga 30 Mei, kunjungi Centre Court dan Kampung Batik gaya kampung tradisional yang dipenuhi dengan warna-warna menarik dari daun pisang hingga burung yang ramah berkicauan. Jangan ketinggalan untuk beli-belah persiapan perayaan anda di Setia City Mall; apa yang lebih menarik, di sini juga terdapat hiasan dinding batik yang memukau!

MAIN PLACE MALL, USJ

Bersempena Hari Raya tahun ini, Main Place Mall menjemput anda semua dan orang tersayang untuk mengunjungi Taman Manny di sini! Terdapat bunga-bunga yang mempersona, dan jika anda

bersabar, anda mungkin akan menemui beberapa rakan Manny bersembunyi di dalam hamparan bunga. Mari sama-sama raikan Hari Raya di Main Place Mall!


DA MEN MALL, USJ

Salam Muhibbah Mesra Raya dari Da Men Mall. Mari bersama-sama menikmati dekorasi yang luar biasa, merasai seleksi makanan yang lazat, serta melibatkan diri dalam aktiviti menarik di Da Men Mall bagi menghargai di keunikan kebudayaan di Malaysia Syawal ini.

IOI MALL PUCHONG

IOI Mall Puchong menjadikan bulan perayaan lebih bernostalgia tahun ini dengan hiasan rumah kampung yang diterangi dengan lampu dan ayam berwarna-warni di sekitar pekarangan North Court, IOI Mall Puchong. Mari kita mengenang kembali kegembiraan yang kita rasai semasa perjalanan pulang ke kampung.

Walaupun tahun ini kita mungkin tidak dapat beraya seperti suasana sebelum ini, namun jangan ketinggalan untuk merakam saat-saat yang tidak dapat dilupakan di IOI Mall Puchong!



Rasai Suasana Syawal
DI 8 PUSAT BELI-BELAH DI NEGERI SELANGOR

Nak Bercuti? #PUSINGSELANGORDULU



DEEL ANJER

HATI rasa lebih tenang apabila berbuka puasa bertemankan panorama indah.

Berhadapan tasik dan pejabat Perdana Menteri, di sutilah terletaknya Restoran Kelab Tasik Putrajaya yang merupakan salah satu destinasi berbuka puasa yang wajar dikunjungi sempena Ramadan ini.

Mempertaruhkan Sajian Desa Ramadan, lebih 60 menu juadah Melayu kampung yang boleh dinikmati bersama keluarga, rakan-rakan mahupun teman tersayang.

Antara menu yang menjadi tarikan utama di Kelab Tasik Putrajaya ini adalah ikan patin masak tempoyak asli dari Temerloh, Pahang.

Menurut pemiliknya, **Datuk Mohamad Zain Abdul Malek**, 75, pengalaman lebih 20 tahun mengusahakan bisnes masakan ini, meletakkan restorannya kini sebagai 'syurga' ikan patin masak tempoyak di Putrajaya.

"Menu ikan patin kami ini lain daripada yang lain. Selain bersih dan tidak berbau, resipi asli dari Pahang ini ada keistimewaan tersendiri."

"Lebih 20 tahun mengusahakannya, saya mempunyai resipi yang tersendiri dan menjadi kesukaan ramai sejak tahun 1980 lagi."



DATUK Mohamad Zain Abdul Malek bersama Suhailly, anak beliau yang juga pengurus restoran.

Penggemar masakan ini pasti dapat membezakan ikan patin masak tempoyak yang kami sediakan berbanding di tempat lain.

"Saya sentiasa memastikan ikan patin yang diperolehi adalah segar dan berkualiti tinggi. Disebabkan itulah keenakan serta kelembutannya menjadikan menu ini sentiasa mendapat permintaan tinggi.

"Malah kuahnya sering dibawa balik oleh pelanggan kerana tiada rasa yang sehebat ini di tempat lain," jelas Mohamad Zain.

Baginya, keenakan ikan patin masak tempoyak di restorannya itu adalah usahanya lebih dua dekad dalam bisnes ini.

"Ramai yang bertanya akan rahsia keenakan ikan patin masak tempoyak ini. Apa yang saya boleh jawab, pengalaman serta usaha tidak jemu untuk memberikan yang terbaik buat pelanggan sentiasa menjadi keutamaan," tambahnya lagi.

Selain ikan patin masak tempoyak, antara juadah lain yang boleh dinikmati di sini adalah kambing golek, gulai kawah, ayam kampung goreng, gulai pucuk ubi, gulai rebung, char kway teow, laksa, mi goreng dan hati lembu masak kunyit.

Terdapat juga pelbagai jenis makanan laut serta sayur-sayuran, roti bun, aneka jenis kuih tradisional dan banyak lagi.

Imbas kod QR untuk menonton video



Walaupun diuji dengan pandemik COVID-19, Zain tidak patah semangat untuk meneruskan perniagaan restorannya.

"Kami mula buka bufet Ramadan ini setelah beberapa hari berpuasa. Awalnya saya agak kecewa apabila pelanggan tetap kami dari luar Putrajaya tidak mudah datang ke sini disebabkan banyak sekatan jalan.

"Alhamdulillah, selepas seminggu Ramadan, boleh dikatakan tempat penuh setiap kali waktu berbuka.

"Sama ada yang membuat tempahan awal atau walk in, saya berterima kasih kerana memilih Kelab Tasik Putrajaya sebagai lokasi berbuka puasa. "Berniaga dalam keadaan sekarang, apa sahaja risiko yang datang kami kena terima dan cuba atasi sebaik mungkin," ujar Zain lagi.

Manakala menurut pengurus restoran yang juga anak pemilik, **Suhailly Mohamad Zain**, 42, pelanggan tetap dan promosi dalam media sosial antara rahsia bufet Ramadan laris.

"Dalam keadaan pandemik sekarang, tidak dinafikan ramai pelanggan tidak dapat datang ke Putrajaya. Apa-apa pun saya bersyukur apabila warga Putrajaya banyak memberi sokongan kepada kami.

"Ramai antara mereka menjadi pelanggan tetap kami.

"Selain itu, kami banyak menggunakan media sosial seperti Facebook dan Instagram di samping banner dan bunting yang kami sediakan dalam kawasan Putrajaya.

"Kami juga dibantu oleh pihak Perbadanan Putrajaya untuk mempromosi bufet Ramadan ini," jelas Suhailly yang menitikberatkan soal pematuhan terhadap SOP itu lagi mudah," katanya yang berharap pandemik COVID-19



IKAN patin masak tempoyak, menu yang menjadi tarikan utama di Restoran Kelab Tasik Putrajaya.



segara berakhir.

Restoran yang boleh memuatkan 200 orang pelanggan dalam satu masa ketika pandemik ini, turut menyediakan banyak kemudahan yang selesa antaranya surau serta dewan solat, tandas,

bilik acara dan banyak lagi.

Ahli kelab restoran pula akan menerima diskon sebanyak 20 peratus untuk bufet Ramadan ini.


Restoran Kelab Tasik Putrajaya juga menerima tempahan untuk apa sahaja acara. **W.K**



SAJIAN DESA RAMADAN DI KELAB TASIK PUTRAJAYA

Alamat: Kelab Tasik Putrajaya, Jalan P8, Presint 8, 62250 Putrajaya
Nombor telefon: 03-88895008
Laman sesawang: kelabtasikputrajaya.com.my
Facebook: [Kelab Tasik Putrajaya](#)
Instagram: [@kelabtasikputrajaya](#)

Ramadan yang mulia mengisi jiwa,
Menanti Aidilfitri yang bakal menjelma,
Wilayah Persekutuan prihatin untuk semua.



PERADUAN MEWARNA PM113

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di dalam akbar WilayahKu di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2018@gmail.com
4. Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.
5. Tarikh tutup penyertaan kali ini adalah **6 MEI 2021**.
6. Pemenang akan diumumkan dalam akbar WilayahKu **Bilangan 114**.

3

PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



Hantarkan video bakat anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk ujibakat dan berpeluang untuk menyertai pasukan produksi **WILAYAHKU TV**.

DURASI VIDEO TIDAK LEBIH 2 MINIT.

Emailkan kepada:

wilayahku2018@gmail.com

Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN BILANGAN 109

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM109 dari akbar WilayahKu Edisi 109:

SITI NUR HUMAIRAH
(11 tahun)
Presint 14,
Putrajaya

NUHA FARHAH AZERANI
(11 tahun)
Sepang, Selangor

HARSHINI MURUGA
(10 tahun)
Cheras, Kuala Lumpur




Karya Siti Nur Humairah

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Teka Silang Kata TS109 dari akbar WilayahKu Edisi 109:

MAISARAH MOHD MUSTAFA
(38 tahun)
Presint 17,
Putrajaya

FAZELA MAT YUSOF
(37 tahun)
Kajang,
Selangor

ILYA AYUMI
(13 tahun)
Labuan



Keputusan pemenang juga diumumkan di portal dan laman Facebook WilayahKu.

Kiasan "bagai kaca dengan permata"



HAZIMAH YUSOF
Perancang Bahasa, DBP

BUKU *Batu Permata*, karya Profesor Madya Dr. Habibah Jamil merupakan sebuah buku yang memperihalkan tentang pelbagai jenis batu permata yang merupakan sejenis perhiasan paling berharga terutamanya kepada kaum wanita.

Bagi masyarakat Melayu lama, permata sering dijadikan kiasan kerana ketinggian sifat permata itu sendiri yang mempunyai nilai yang tinggi.

Seringkali kita mendengar perumpamaan 'bagai kaca dengan permata' yang mengaitkan ketinggian budi seseorang dengan permata. Bahkan dalam kehidupan searian, permata sering kali dikaitkan dengan anak sebagai permata hati seorang ibu.

Begitulah antara gambaran yang diberikan oleh penulis sebagai intro dalam buku ini, iaitu mengaitkan nilai permata dalam kehidupan manusia yang mempunyai nilai

yang tinggi.

Kalau selama ini kita lebih banyak mengenal batu permata yang popular seperti berlian dan mutiara, melalui buku ini penulis memerihalkan 17 jenis batu permata yang amat menarik untuk kita pelajari.

Dalam bab pertama, dimulakan dengan pengenalan kepada batu permata. Batu permata merupakan perhiasan yang amat indah dan berharga disebabkan oleh kilauan dan keindahan batu permata itu sendiri.

Pada zaman Kesultanan Melayu, hanya sultan dan kaum kerabat baginda sahaja yang dibenarkan memakai barang kemas yang diperbuat daripada emas dan permata disebabkan oleh ketinggian nilai batu permata itu.

Penulis juga turut menelusuri sejarah perkembangan batu permata dari Zaman Prasejarah, Zaman Tamadun Mesir sebagai contohnya sehingga sekarang.


Dalam bahagian ini dapat dilihat batu permata yang begitu dekat dengan wanita sebagai barang perhiasan. Bentuk batu permata yang diubah menjadi barang kemas

mengalami perubahan bentuk seiring dengan peredaran masa dan zaman.

Dalam bab kedua, penulis memerihalkan tentang asal usul permata dari sudut sejarah menerusi mitos dan hikayat silam.

Salah satu mitos mengaitkan masyarakat Greek kuno yang percaya bahawa permata mempunyai perkaitan yang erat dengan dewa dan dewi mereka.

Penulis juga turut memerihalkan asal usul kejadian permata dari sudut geologi. Permata terbentuk hasil dari proses geologi dan kitaran batuan. Sebahagian besar permata terbentuk di litosfera, iaitu kepingan yang terdiri daripada kerak bumi dan bahagian teratas mantel bumi.



Dalam bahagian ini juga turut diceritakan tentang kategori batu permata yang banyak terdapat di Malaysia. Disebabkan oleh proses geologi juga terdapat perbezaan batu permata di Semenanjung dengan Sarawak dan

Sabah.

Pada bab ketiga, penulis memerihalkan secara terperinci tentang sifat batu permata yang mempunyai daya tarikan yang tersendiri.

Batu permata mempunyai beberapa sifat iaitu, nilai estetika, kelutsinaran, warna, relapan, kilauan, nyalaan, pleokroisme, pendarona, kesan merlip, kesan bintang dan tahan lasak yang mempengaruhi ketinggian nilai

sesuatu batu permata.

Pada bab keempat sehingga bab ke-20, penulis memerihalkan tentang 17 batu permata mengikut setiap bab dengan dimulai dengan batu permata berlian, delima dan nilam, zamrud dan akuamarin, mutiara, baiduri, jed, kuarza, kalsedoni, firuz, lapis lazuli, baiduri bulan dan alaksandrit, topaz, turmalin, garnet, feldspar, permata lain dan permata organik.

Setiap batu permata diterangkan tentang sejarah permata itu sendiri, bentuk fizikal permata, jenis permata dalam kumpulan permata yang sama, bentuk potongan dan kualiti permata.

Buku ini amat menarik untuk dijadikan bahan bacaan kerana terdapat banyak informasi yang berguna tentang batu permata. Hal ini akan menambahkan lagi pengetahuan kita tentang batu permata.

Reka letak yang menarik, foto yang berkualiti dan susunan bahasa yang mudah difahami menjadikan buku ini sesuai dijadikan koleksi para pembaca.

WK

MIMBAR

Hukum mengambil suntikan vaksin COVID-19 pada siang hari bulan Ramadan



SOALAN

ASSALAMUALAIKUM SS Mufti, saya ingin bertanya apakah hukum mengambil vaksin covid 19 pada bulan Ramadan. Adakah boleh membatalkan puasa.

HURAIAN JAWAPAN

Setiap ibadat yang dilakukan mestilah terikat dengan syarat dan perkara yang telah ditetapkan oleh syarak seperti syarat wajib, perkara yang membatalkannya, sunat-sunatnya dan lain-lain lagi.

Begitu juga dengan ibadah puasa yang diwajibkan ke atas setiap individu muslim yang baligh, puasa juga seperti ibadah yang lain, ia disyariatkan oleh Allah SWT berdasarkan firman-Nya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwah." (Surah al-Baqarah, 183)

Berbalik kepada persoalan

yang diajukan, timbul persoalan berkaitan batal ataupun tidak puasa sekiranya mengambil suntikan vaksin COVID-19 semasa puasa.

Kaedah pemberian suntikan vaksin terbahagi kepada empat kaerah, pertamanya suntikan *Intramuscular* iaitu suntikan ke dalam otot, *Intravena* iaitu suntikan melalui salur darah, *intradermal* suntikan melalui lapisan kulit atas dan *subcutaneous* iaitu suntikan pada kawasan dalam kulit di atas otot. Vaksin COVID-19 disuntik menggunakan kaedah *intramuscular* iaitu suntikan ke dalam otot.

Dalam membahaskan isu ini, secara umumnya perkara yang membatalkan puasa adalah apabila syarat-syarat wajib berpuasa tidak dipenuhi ataupun gugur salah satu daripada rukunnya.

Pada masa yang sama, para ulama menjelaskan bahawa antara perkara yang menyebabkan terbatalnya puasa adalah apabila seseorang itu memasukkan sesuatu ke dalam tubuh badan melalui rongga yang terbuka seperti hidung dan mulut.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Imam al-Nawawi di dalam

kitabnya Raudah al-Talibin: Maksudnya: "Antara perkara yang membatalkan puasa adalah memasukkan sesuatu ke bahagian dalam rongga. Para ulama telah menentukan sesuatu yang masuk ke dalam al-Jauf (rongga) akan membatalkan puasa dengan ain (objek) yang sampai, iaitu (dari) had zahir ke dalam had batin melalui rongga terbuka dengan sengaja dan sedar berpuasa." (Rujuk Raudah al-Talibin, 2/356)

Begitu juga dengan suntikan yang mengandungi khasiat atau untuk menguatkan badan. Ia boleh membatalkan puasa walaupun suntikan tersebut tidak melalui rongga yang terbuka. Hal ini menjadi perbezaan pandangan para ulama seperti yang dirumuskan secara terperinci oleh Syeikh Hassan al-Kaf di dalam karyanya al-Taqrirat al-Sadidah:

- Pandangan pertama: Batal puasa secara mutlak kerana masuk sesuatu ke bahagian dalam rongga (al-Jauf)
- Pandangan Kedua: Tidak terbatal secara mutlak kerana masuk sesuatu ke bahagian dalam rongga (al-Jauf) tanpa melalui rongga yang terbuka
- Pandangan Ketiga: Perlu kepada perincian dan ia



merupakan pandangan yang paling sah: sekiranya kandungan suntikan tersebut mengandungi nutrisi atau pemakanan maka batal puasanya, namun sekiranya tidak mengandungi pemakanan maka dilihat pada aspek berikut:

- Sekiranya suntikan pada urat ke bahagian dalam rongga, iaitu saluran urat darah, maka batal puasa.
- Sekiranya suntikan pada otot iaitu urat BUKAN pada bahagian dalam rongga, maka tidak batal. (Rujuk: Al-Taqrirat al-Sadidah, hlm. 352)

Di samping itu, Syeikh Yusuf al-Qaradawi juga berpandangan

bahawa suntikan sama sekali tidak membatalkan puasa seseorang itu walaupun ia dilakukan pada siang hari Ramadan.

Jelas beliau, hal ini kerana suntikan bukanlah termasuk dalam kategori makan ataupun minum menurut syarak.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hukum melakukan suntikan vaksin COVID-19 pada siang hari di bulan Ramadan adalah diharuskan dan tidak membatalkan puasa kerana suntikan tersebut tidak melalui rongga yang terbuka pada mana-mana anggota badan.

Wallahu 'lam. WK

Putrajaya bakal rentasi teknologi 5G



AINI MAWAWI

BARU-BARU ini, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa telah melancarkan pelan induk MYSmart Putrajaya 2030. Program di bawah kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), PLAN Malaysia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) tersebut bertujuan mentransformasikan Wilayah Persekutuan sebagai Bandar Pintar.

MySmart Wilayah 2030 ini menggariskan tujuh dasar utama iaitu kerajaan pintar, ekonomi pintar,

kehidupan pintar, persekitaran pintar, masyarakat pintar, mobiliti pintar dan infrastruktur pintar.

Bagi menjayakan inisiatif MYSmart Wilayah 2030, salah satu pemangkin yang diperlukan adalah program JENDELA yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Bagi mengupas lebih lanjut sejauh mana pelaksanaan Bandar Pintar dalam projek Smart Putrajaya, Wilayahku menemubual Pengarah Negeri Pejabat Wilayah Persekutuan MCMC, **Rizal Abd Malek**.

dilaksanakan oleh pihak Celcom, DiGi, Maxis dan UMobile.

Apakah objektif utama projek MYSmart Putrajaya ini?

Objektif projek adalah untuk mengatasi masalah kelompongan liputan dan kualiti perkhidmatan komunikasi setelah menerima pelbagai aduan dari pihak awam.

Setelah infrastruktur ini siap dibina, Putrajaya bakal bersedia untuk menerima teknologi 5G kelak. Kelajuan teknologi 5G ini boleh mencapai sehingga 100Mbps apabila ia diperkenalkan nanti.

Boleh terangkan tentang (GPP-I) yang diperkenakan?

Bagi menjayakan inisiatif-inisiatif ini juga, pihak MCMC telah memperkenalkan pemakaian Garis Panduan Pembinaan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I) dan Garis Panduan Minor Communication Infrastructure (MCI).

Garis panduan GPP-I ini menyediakan pelan perancangan pembinaan komunikasi di sesuatu kawasan pembangunan baharu dengan lebih terancang dan strategik. Manakala Garis Panduan MCI pula merupakan penggunaan peralatan pemancar komunikasi berskala kecil yang dipasang di tiang-tiang lampu atau bangunan sediada. Ia amat sesuai untuk kegunaan peralatan pemancar teknologi 5G yang akan dilaksanakan.

Sejauh mana penggunaan GP MCI pada masa ini?

Penggunaan GPP-I ini telah diluluskan oleh pihak Perbadanan Putrajaya di peringkat kebenaran

Apakah inisiatif utama program MYSmart Putrajaya?

MYSmart Putrajaya adalah satu program yang dirancang bersama pihak Perbadanan Putrajaya dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Inisiatif MYSmart Putrajaya dilaksanakan oleh pihak industri komunikasi melalui dua inisiatif utama iaitu Penyediaan infrastruktur DRAN yang diterajui oleh Telekom Malaysia dan disokong oleh syarikat penyedia perkhidmatan komunikasi utama iaitu Celcom, DiGi, Maxis dan UMobile di seluruh Putrajaya. Keseluruhan proheki ini dijangka siap pada bulan Ogos 2021.

Kedua, menyediakan jalurlebar 4G berkelajuan tinggi sehingga 50 Mbps pada tahun 2021 di kawasan Putrajaya Boulevard merangkumi Presint 1 hingga Presint 6. Ia bermula dari pejabat Perdana Menteri (Presint 1) sehingga Kementerian Pelajaran Tinggi (Presint 6). Ini merupakan satu bentuk kerjasama yang akan



RIZAL

merancang iaitu salah satu dari proses pengeluaran permit pembangunan baharu. Penggunaan GP MCI pula adalah berada di dalam peringkat perbincangan antara pihak Perbadanan Putrajaya dan MCMC. Sekiranya ia diluluskan oleh Perbadanan Putrajaya, ia merupakan pihak berkuasa tempatan pertama yang melaksanakan GP MCI ini.

Penggunaan garis panduan yang dibangunkan oleh pihak MCMC ini juga akan diperluaskan penggunaannya ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Bersediakah teknologi 5G?

REAKSI

"Ia merupakan teknologi paling terkini. 5G bukan sahaja tertakluk kepada penggunaan telefon sahaja tetapi merangkumi kehidupan sehari-hari menuju Bandar Pintar. Sebagai contoh penggunaannya pada kamera litar tertutup (cctv), lampu isyarat yang pintar bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan banyak lagi."

"Teknologi ini telah digunakan di negara Norway melalui kebun pintar. Mereka hanya menggunakan dron untuk memantau kelembapan tanah, membaja dan sebagainya. Memandangkan Malaysia terkenal dengan tanaman kelapa sawit, jadi ia amat sesuai diperkenalkan."

Muhammad Johan Arshad Ahmad Mawawi
Jurutera Huawei



"Saya rasa rakyat masih tidak bersedia dengan teknologi 5G memandangkan teknologi 4G pun masih belum semua telefon boleh menggunakan. Seandainya 5G diperkenalkan nanti adalah syarikat telekomunikasi tidak akan mengenakan caj bayaran yang lebih tinggi memandangkan kos yang tinggi perlu dikeluarkan oleh syarikat telekomunikasi untuk menjayakan teknologi ini."

Nazni Ahmad Nazri
Pensyarah



"Untuk sektor pendidikan ia amatlah penting. Mengikut aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menginginkan pendidik mahir aplikasi pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dan menjadikan murid maju dalam era globalisasi sekarang."

Rafidah Saharudin
Ketua Bidang Seni Visual, Sekolah Seni Malaysia, Kuala Lumpur

"Bagi saya pelaksanaan 5G semestinya ada kelebihan dan kekurangan. Pelaksanaan dilihat mampu membawa kelajuan seumpama fiber yang mana boleh dinikmati secara mudah alih tetapi apa yang pasti, ia akan membawa peningkatan kelajuan yang drastik berbanding teknologi hari ini."

"Cakap bab laju itu, 4G atau 3G sebelum ini pun ada yang cakap laju tetapi apabila ramai yang pakai atau di kawasan yang kurang capaian internet, ada masalah perlahan juga. Jadi di harap 5G dapat mengatasi masalah yang sedia ada."

Zaidi Mohamad
Wartawan

merancang iaitu salah satu

Apa harapan MCMC untuk projek ini?

Bagi menjayakan keseluruhan projek Infrastruktur Digital ini, banyak pihak perlu berganding bahu bersama Jawatankuasa Induk Infra Digital Smart Putrajaya dan Jawatankuasa Teknikal Infra Digital Smart Putrajaya antara pihak-pihak berkuasa yang diperlukan adalah KWP, PLAN Malaysia dan KPPT. Dengan wujudnya kerjasama baik ini, visi bagi mentransformasikan Wilayah Persekutuan sebagai Bandar Pintar Insya-Allah akan tercapai. **WK**



PUTRAJAYA bersedia menerima teknologi 5G kelak.

Artis juga perlu sediakan payung sebelum hujan



DEEL ANJER

BANYAK sebenarnya hikmah di sebalik Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang boleh diambil untuk menjadikan hidup ini lebih baik.

Tidak dinafikan, ramai yang terpaksa bergelut untuk meneruskan kehidupan apabila PKP menyebabkan kehilangan pekerjaan atau pendapatan.

Begitu juga dengan para selebriti terutamanya penyanyi yang turut terkesan sehingga habis duit simpanan gara-gara persempahan pentas tidak dibenarkan dalam tempoh PKP yang panjang sebelum ini.

Untuk itu, ramai selebriti mula memahami dalam kehidupan perlunya ada konsep 'sediakan payung sebelum hujan' iaitu sentiasa bersiap sedia awal sebelum sesuatu berlaku.

Tidak mahu mengulangi pengalaman perit tersebut, ramai artis muda mula berniaga makanan di Medan Selera Masok yang terletak di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Masok beroperasi dari pukul 5 petang hingga 12 malam.

Antara selebriti yang menjayakan perniagaan di medan selera ini ialah Nabila Razali, Bella Astillah, Aliff Aziz, Ayie Floor 88, Amir Floor 88, Raja Syahiran, Uyaina Arshad, Aiman Tino, Ismail Izzani, Ara Johari, Donna Muslim, Shalma Eliana dan Amin Daniel.

Aliff Aziz dan Bella jual laksa

PASANGAN selebriti, Aliff Aziz dan Bella Astillah meluahkan rasa syukur apabila juadah laksa dan nasi kuning mereka laris.

"Ini kali pertama kami jual laksa di kedai sendiri. Sebelum ini banyak bertai festival makanan sahaja. Jadi, banyak juga perkara baharu yang kami belajar apabila berniaga di sini.

"Alhamdulillah, hampir dua bulan berniaga di sini, makanan setiap hari habis dijual. Ramai yang datang makan," ujarnya gembira.

Menurut Bella, Ramadan kali ini agak istimewa apabila suaminya turut ada di sisi.

"Alhamdulillah, rasa bahagia sangat apabila satu keluarga dapat berkumpul sambut Ramadan.

"Anak-anak seronok apabila daddy ada. Ayden (anak pertama) pun belajar puasa walaupun setengah hari. Bila ada Alif, dia lebih semangat nak berpuasa," ujar Bella Astillah.



BELLA gembira di sisi suaminya, Aliff.



ARA JOHARI

Banyak lauk sedap di Ara Kitchen

DI gerai Ara Kitchen yang dimiliki oleh penyanyi Ara Johari, lauk pauk menjadi tarikan utamanya.

Menurutnya, antara menu yang menarik di Ara Kitchen adalah daging salai masak lemak cili api, ayam masak Lemak cili api, sambal udang, butter milk chicken, salted egg dan banyak lagi.

"Resipi Ara Kitchen ini adalah dari keluarga saya sendiri. Jadi resipi turun-temurun ini sangat istimewa.

"Saya terus bersetuju untuk berniaga di Masok apabila rakan artis Eric sendiri yang memberi peluang ini. Lagi pun saya memang suka berniaga dengan kawan-kawan yang saya kenal kerana itu memudahkan urusan. Kami juga saling menyokong.

"Selain itu, saya sudah lama berhasrat mahu membuka kedai di kawasan Kuala Lumpur. Jadi Kampung Baru antara lokasi yang sesuai," jelas penyanyi lagu Bunga dan Paku ini.

King's Eye tanda cinta Raja Syahiran dan Uyaina



PELAKON Raja Syahiran dan kekasihnya Uyaina Arshad menjual chicken chop dan ketupat di gerai yang diberi nama King's Eye.

"Saya dan Uyaina sudah lama fikir mahu mulakan bisnes bersama. Apabila Eric membuka peluang berniaga di Masok ini, kami terus bersetuju untuk memulakan perniagaan."

"Langkah ini juga menandakan kami semakin serius dalam hubungan. Tak salah rasanya kami nak lakukan sesuatu bersama."

"Kita pun tahu ramai yang terkesan dengan pandemik COVID-19 termasuklah kami golongan selebriti. Jadi menjual makanan adalah salah satu cara kami untuk meneruskan kehidupan."

"Dalam masa sama, pengalaman berniaga ini sedikit sebanyak memberi ilmu keusahawanan kepada kami. Mana tahu selepas kahwin nanti kami boleh fikirkan perniagaan lain pula. Doakan kami ya!," tambahnya.

Jelas Raja Syahiran yang sudah merancang untuk mengahwini kekasih hatinya itu.

Eric Floor 88 beri peluang kepada rakan artis

MEDAN Selera Masok yang sudah beroperasi selama beberapa bulan ini dimiliki tiga anggota Floor 88 iaitu Eric, Achoi dan Faliqie.

Eric memberitahu, idea mencebur bidang perniagaan mula timbul apabila dia bersama kumpulannya merasakan tempoh PKP atau kes COVID-19 akan berlarutan.

"Sangkaan kami betul apabila sudah lebih setahun kita berada dalam situasi ini. Iyalah duit kami makin hari makin susut, jadi lebih baik kami melabur duit yang ada untuk perniagaan."

"Kebetulan ketika itu (awal PKP dilaksanakan) ada

pihak yang mahu menjual medan selera ini. Kami terus bersetuju memandangkan lokasi ini strategik dan menjadi tumpuan ramai," katanya yang mengaku banyak modal telah dibelanjakan untuk mengubahsuai Medan Selera Masok.

Menurutnya lagi, sejak itu, peluang kepada rakan-rakan artis yang ingin berniaga makanan dibuka dan Alhamdulillah, ramai yang bersetuju untuk menyewa lot gerai

yang ada.

Katanya, mereka bertiga juga terpaksa menanggung kerugian apabila sewa tapak berjalan ketika PKP 2.0 dilaksanakan.

"Sepatutnya awal tahun ini kami dah boleh jalankan operasi Masok, tidak sangka pula ada PKP 2.0. Jadi selama tiga bulan kami membayar sewa tanpa beroperasi.

"Alhamdulillah, Masok kembali beroperasi April lalu. Kerugian lepas sebenarnya menguatkan lagi semangat kami untuk terus berniaga," tambahnya lagi. **wk**



ERIC FLOOR 88

SYAHIDI BAKAR

MENYEDIAKAN pelbagai jenis hidangan lazat dan menyelerakan semudah hanya 1, 2 dan 3..? Itulah antara keistimewaan disajikan oleh pes masakan segera, Heeeeat Eat (HE) yang sudah berada di pasaran kira-kira sebulan yang lalu.

Tampil dengan pelbagai hidangan menu tradisi di dalam bentuk paket, kesemua 10 jenis pes atau perencah memasak terhasil dari adunan ramuan dan rempah semula jadi ini, diyakini dapat penuhi cita rasa selera tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Heeeeat Eat Sdn. Bhd., **Lila Ruzaini Mohd Hussain** berkata, produk tiga dalam satu yang dipasarkan ini menjadi pemudah cara menyediakan pelbagai menu masakan yang menjadi kegemaran ramai antaranya seperti kari ikan, tomyam, tiga rasa dan lain-lain.

Beliau berkata, pes masakan HE bukan sekadar didatangkan dalam pelbagai jenis hidangan menu tradisi yang menyelerakan, malah mudah disedia serta menjimatkan masa mahupun tenaga untuk menghidangnya.

"Selain kualiti serta kondisi hidangan yang pasti menyelerakan, kesemua 10 pes masakan ini juga berbaloi dihidangkan untuk seisi keluarga kerana setiap pek ini mencukupi



Pes Heeeeat Eat mudah disedia, penuhi cita rasa masakan anda

sehingga empat orang menjamu selera.

"Pes ini mudah disedia mulai dengan membuka pes, renehkan bersama air secukup rasa, masuk lauk-pauk yang diinginkan serta tunggu sehingga masak seterusnya boleh dimakan. Dengan setiap pes masakan HE dijual serendah RM8 sehingga RM10, ia berbaloi untuk wang yang dibelanjakan," katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Pes masakan HE dihasilkan dalam 10 jenis menu berbeza iaitu kari ayam / ikan, sambal bilis, sos tiga rasa, rendang, tomyam, masak merah dan pes serba guna selain pes nasi briyani. Semua pes ini boleh didapati secara atas talian melalui pembelian platform Shopee, pada bila-bila masa dengan harga amat berpatutan.

Sementara itu, Lila menjelaskan, sepanjang bulan Ramadan, pihaknya turut menawarkan promosi hebat untuk pelanggan yang dihargai iaitu Paket Berbuka Puasa dan Paket Bersahur yang boleh dimanfaat untuk hidangan segera yang lazat dan setanding rasa masakan di restoran.

Katanya, dengan setiap pakej ditawarkan itu pada kadar serendah

RM32 hingga RM35, pelanggan layak mendapat empat jenis pes masakan yang berbeza mengikut cita rasa masing-masing.

"Bagi wanita bekerjaya pula, Pes Masakan tiga dalam satu HE berupaya menjadikan rutin harian anda lebih mudah tanpa mengorbankan cita rasa dan selera seisi keluarga.

"Dengan panduan tiga langkah mudah seperti yang tertera, apa sahaja hidangan kegemaran keluarga dapat disediakan dalam masa hanya kira-kira 15 minit sahaja. Jadi, apa tunggu lagi, dapatkan Pes Masakan HE segera di pasaran," katanya.

Selain membeli secara online di Shopee, Pes HE turut boleh didapati di kedai jualan My Kampung Fresh Mart, di ICT Shah Alam buat masa ini dan bakal dikembangkan ke pasaran runcit tempatan tidak lama lagi.

Dalam pada itu, jelas Lila, dengan kandungan Pes HE antara 100gram sehingga 200gram sepaket, setiap

INFO Cara Penyediaan Tomyam

■ Didihkan 300ml air; masuk 1 ulas bawang putih, sebatang serai telah diketuk, 1/2 bawang besar, 100g udang/ sotong/ ayam, sehelai daun limau purut dan sebiji tomato bersama 10g pes tomyam serta sesudu limau, garam tungku sehingga masak dan mendidih.

■ Sedia untuk dihidangkan (Sehingga 10 orang)

Cara Penyimpanan

- Simpan di tempat kering dan suhu bilik.
- Elakkan terdedah kepada cahaya matahari.
- Simpan di tempat sejuk selepas dibuka.

hidangan disediakan mampu memenuhi selera anda di mana saja tanpa perlu berbelanja lebih untuk menikmati hidangan seumpamanya di restoran.

Paling istimewa, Pes Tomyam dengan berat isi kandungan 100 gram setiap pek, hidangan menu ini mampu untuk menampung sehingga 10 orang makan dengan sepuas hati.

Dengan penggunaan ramuan mencukupi seperti bawang, minyak sawit, cili kering, gula, halia, rempah ratus, asid buah, garam selain perisa dibenarkan hidangan tomyam pasti memberikan anda nikmat kelazatan sebenar.

Sementara itu, Lila turut mengajak sesiapa yang berminat menjana pendapatan sebagai ejen atau stokis Pes Masakan HE, hubungi HEEEEEAT EAT SDN. BHD di talian **012-3119759** atau email ke:

heeeeat@gmail.com selain layari Facebook di Heeeeat Eat untuk maklumat lanjut berkaitan.

"Selain layak menikmati potongan harga menarik ejen jualan dan stokis kami turut dijamin dengan hasil keuntungan yang memuaskan. Jom

segera bersama kami, kita teroka peluang niaga untuk berkongsi rezeki sedia ada,"

W.K



IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM7,500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM5,500
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM4,500
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1000px X 96px	RM2,500
	MIDDLE BANNER 1000px X 280px	RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px	RM1,000

PL agih bubur lambuk ke 27 kampung



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

KIRA-KIRA 1,000 pak bubur lambuk diedarkan kepada penduduk di 27 buah kampung di Pulau Bebas Cukai itu menerusi Program Bubur Lambuk Ramadan.

Program itu merupakan anjuran bersama Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Durian Tunjung dan Pengurus Perbadanan Labuan, **Datuk Seri Amir Hussein**.

Menurut Amir, walaupun masih dalam perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Program Bubur Lambuk Ramadan tetap diadakan dan akan menjadi acara tahun di Kampung Durian Tunjung berikutan sambutan yang mengalakkannya pada tahun ini.

"Program ini mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dan antara lain bertujuan untuk menyantuni serta merapatkan silaturahim sesama



AMIR serah bubur lambuk kepada Ketua Wanita UMNO Labuan, Niswati Tarji.

penduduk selain mewujudkan persefahaman dan meningkatkan kerjasama dalam kerja-kerja sosial.

"Bubur lambuk antara pilihan juadah berbuka puasa kerana ia sinonim dengan amalan masyarakat yang menzahirkan pemberian makanan kepada saudara-mara dan jiran tertangga," katanya kepada

Wilayahku pada Sabtu lalu.

Tambahnya, program itu juga bertujuan menyantuni serta merapatkan silaturahim di kalangan masyarakat dalam hal-hal kerjasama serta meningkatkan kesefahaman di kalangan komuniti.

Terdahulu, beliau turut mengagihkan sebanyak 50 kotak



AMIR menyerahkan bubur lambuk kepada Ketua Kerupang Nagalang, Ramlee Salim.

pelitup muka dan apron kepada petugas dan warga Kampung Durian Tunjung.

Hadir sama, Ketua Wanita UMNO Labuan Niswati Tarji.

Sementara itu, Ketua Kampung Durian Tunjung, Abu Bakar Yusof berkata hidangan bubur beras dan campuran rempah ratus dan sayur-sayuran," katanya. **WK**

keistimewaan tersendiri kerana cara masakannya yang berlainan mengikut negeri.

"Sebanyak 22 ramuan masakan telah diadunkan untuk menyediakan bubur lampuk Durian Tunjung yang terdiri daripada beras dan campuran rempah ratus dan sayur-sayuran," katanya. **WK**

JAWI peruntuk RM 1juta untuk imarah masjid dan surau - Mohd Ajib

JABATAN Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah memperuntukan hampir RM 1juta kepada semua masjid dan surau di Pulau Bebas Cukai itu bagi Program mengimarah bulan Ramadan tahun ini.

Menurut Pengaruhnya, **Datuk Mohd Ajib Ismail**, daripada jumlah itu sejumlah RM 795,000 telah diperuntukan kepada setiap masjid dan surau Jumaat dan surau biasa menerusi bantuan Ihya Ramadan.

Katanya, setiap masjid bakal menerima sejumlah RM15,000 dan setiap surau jumaat menerima RM12,500 serta

surau biasa turut menerima RM11,000.

"Peruntukan itu bertujuan bagi mengoptimumkan program-program bagi mengimarahkan masjid dan surau di sepanjang bulan Ramadan dan penyaluran bantuan bagi manfaat kepada kariah.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Program Penyampaian Sumbangan Dapur It'am Ramadan di Dewan Komuniti Sungai Lada, baru-baru ini.

Program itu disempurnakan oleh Ahli Dewan Negara Senator Datuk Bashir Alias.

Beliau yang juga merangkap Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berkata, pihaknya turut menyalurkan peruntukan kepada Jawatankuasa masjid dan surau Jumaat dan surau biasa yang membabitkan peruntukan keseluruhannya bernilai RM120,000.

Turut hadir, Pengurus Perbadanan Labuan Datuk Seri Amir Hussien dan Pengurus MAIWP Labuan Md Fazlili Md Saad, Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan Mohd Dzulfaizal Ab Manan. **WK**



BASHIR (dua dari kiri) menyeraikan sumbangan makan Dapur It'am kepada penerima disaksikan oleh AJIB (tengah).



AMINAH (kiri) menyeraikan barang sumbangan kepada Pengetua Madrasah Maahad Tahfiz al-Quran Seri Merinding.

Sinergi Labuanfm 'Nikmat Ramadan Dikongsi Bersama'

PROGRAM Sinergi Labuanfm 'Nikmat Ramadan Dikongsi Bersama' menyantuni dua buah Madrasah Tahfiz al-Quran Seri Merinding dan Maahad Tahfiz al-Quran Al Badr (MTAA-HAFIZ) dalam melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat.

Pengarah Penyiaran Labuan, **Aminah Samsudin Mohd** berkata, antara objektif pelaksanaan program adalah untuk menunjukkan kecaknaan melalui aktiviti tanggungjawab sosial terhadap masyarakat setempat.

Tambahnya secara tidak langsung ia sebagai meraikan dan mendekati para pelajar tahfiz melalui aktiviti kunjung ziarah.

"Melalui penyampaian bantuan sumbangan mengikut keperluan pusat tahfiz masing-masing ini membolehkan mereka menerus-

kan aktiviti pembelajaran dalam keadaan yang lebih selesa," katanya kepada pemberita di Program Sinergi Labuanfm di Kampung Merinding, pada Jumaat lalu.

Tambahnya, menerusi program itu juga boleh mengeratkan kerjasama antara agensi kerajaan yang lain serta swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Suri Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) cawangan Labuan.

Pihaknya turut menyampaikan juadah berbuka puasa kepada para pelajar di kedua-dua maahad tahfiz tersebut.

Sementara itu, Pengurus Puspantia Labuan Dayang Monira Mohd Yusof berkata, PUSPANITA Labuan amat berbesar hati kerana berpeluang bekerjasama dengan LABUANfm dalam menyantuni masyarakat setempat. **WK**

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

PPj rintis program komuniti untuk masyarakat sejahtera

SHAHIDI BAKAR

BAGI merapatkan lagi ukhuwah dan persefahaman yang sedia terjalin antara komuniti dengan Pihak Berkuasa Tempatan, pelbagai program sosial dan kekebajikan melibatkan masyarakat terus dirintis oleh Perbadanan Putrajaya (PPj).

Usaha yang dilakukan secara berterusan itu, jelas Presidennya, **Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain**, adalah seiringan matlamat Blueprint Masyarakat Sejahtera (BMS) Putrajaya 2021, ke arah membina hubungan harmoni dalam kalangan warga yang hidup saling membantu dan bersatu padu.

Beliau berkata, bersempena Ramadan tahun ini, antara pengisian aktiviti bagi meraikannya adalah penganjuran Program Bubur Lambuk Komuniti, dilaksana

dengan usaha sama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Putrajaya serta komuniti setempat.

Katanya, acara berteraskan kebajikan dan sosial komuniti itu antara pengisian Program Ramadan BMS Putrajaya tahun ini dengan objektifnya bagi memupuk kerjasama dan mengeratkan ukhuwah di antara PPj, MPPWP dan juga warga Putrajaya.

"Untuk program ini, lebih 15 kawah bubur lambuk dimasak oleh semua MPPWP di Putrajaya secara gotong royong di 6 Sub Zon dengan pelbagai jenis resepi mengikut citarasa tersendiri. Saya tengok beraneka resepi, ada Pantai Timur, resepi Melaka malah Sarawak pun ada juga."

"Jadi, Alhamdulillah saya tengok dari penyertaan serta sambutan masyarakat



MUHAMMAD Azmi (tiga dari kiri) turut sama mengacau bubur lambuk disediakan oleh MPPWP Sub Zon 4, Putrajaya sempena Program Bubur Lambuk Komuniti di pekarangan Surau PP1M Palma, Presint 11, Putrajaya.

amat positif, dengan jelas menunjukkan kerjasama erat

untuk jayakan bersama," katanya yang turut serta memasak

di Program Bubur Lambuk Komuniti, di pekarangan Surau PP1M Palma, Presint 11, Putrajaya.

Dalam kunjungan lebih 30 minit itu, Azmi sempat menunjukkan kemahiran beliau mengacau bubur lambuk sambil dibantu AJK MPPWP Sub Zon 4, Putrajaya, menyediakan dua kawah bubur ayam dan juga daging.

Menurut seorang AJK Program, dikenali sebagai Wan Ahmad, setiap kawah bubur lambuk mampu memuatkan kira-kira 300 bekas tupperware untuk diagihkan kepada warga penduduk setempat.

"Jadi, di sini sahaja kami akan agihkan 600 bekas bubur lambuk kepada warga penduduk kawasan perumahan di sini yang mempunyai lebih 200 unit rumah kesemuanya dan ia mencukupi," katanya.

WK

Agih pek makanan bersahur melalui Program Konvoi Anak Muda Seputeh

PROGRAM Konvoi Ayuh Bersahur dilaksana hasil inisiatif Kelab Anak Muda Seputeh dengan pihak Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan, memberi makna tersendiri bagi mereka bertugas di waktu malam sekitar Parlimen Seputeh.

Langkah mengagih pek makanan dan minuman sebagai juadah bersahur untuk para petugas itu, disambut gembira oleh kalangan penerima yang jarang dikunjungi pelawat dengan 'buah tangan' yang mengenyangkan.

Menurut Presiden Kelab Anak Muda Seputeh, **Nur Hafies Wahid**, Konvoi Ayuh Sahur turut disertai Pengarah Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan, Asmori Sha'ari telah bersama menyantuni barisan hadapan negara yang bertugas di waktu malam.

Katanya, enam kenderaan yang sertai konvoi itu berkunjung ke beberapa lokasi sekitar Seputeh untuk mengagihkan 100 bungkus pek makanan kepada golongan sasar.

"Untuk makluman, Kelab Anak Muda Seputeh dan rakan kerjasama strategik telah menyantuni para petugas barisan hadapan di sini antaranya, Balai Polis Taman Desa; Taman Desa



NUR HAFIES bersama jentera Konvoi Ayuh Sahur menyerahkan pek makanan kepada anggota Bomba di Balai Bomba & Penyelamat Taman Desa, Seputeh.

Medical Centre (TDMC); Balai Bomba & Penyelamat Taman Desa.

"Selain itu, pek juadah bersahur hasil sumbangan pihak prihatin itu, turut diagih di Depoh Imigresen Bukit Jalil, Balai Polis Bukit Jalil dan Balai Bomba & Penyelamat selain Balai Polis Petaling, di Jalan Klang Lama.

"Setelah selesai, kami bersama-sama anak muda di Taman Salak Jaya dan Pegawai Belia Kawasan Seputeh bersahur beramai-ramai sebagai usaha mendekati golongan muda dan menjalin ukhuwah sesama kita sebelum program malam minggu itu tamat kira-kira 3.30 pagi," katanya.

Objektif program sebagai

penghargaan petugas yang memerah keringat menjaga keselamatan rakyat selain menjadi kaedah menyebarluaskan rezeki hasil sumbangan pihak prihatin terhadap kebajikan warga.

Kata Nur Hafies, inisiatif dari anak muda kepada anak muda itu dijayakan hasil sumbangan dari pihak yang bermurah hati bagi membudayakan program berbentuk kebajikan dan sosial.

"Bagi membolehkan kami terus menjayakan kerja kebajikan, orang ramai mahupun korporat amat digalakkan menyumbang ke tabung Kelab Anak Muda Seputeh, melalui CIMB Bank di nombor akaun 86-0447436-2," ujarnya. WK

MR. D.I.Y. lancar kempen 'Raya Kami Termurah'

SYARIKAT peruncit perkas rumah MR. D.I.Y melancarkan kempen 'Raya Kami Termurah' bersempena bulan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Naib Presiden Pemasaran Kumpulan MR. D.I.Y, **Andy Chin** berkata, kempen itu antara lain melibatkan juadah istimewa Hari Raya Aidilfitri, diskoun, promosi dan jualan murah.

"Semuanya ada dalam kempen ini untuk mereka menyambut musim perayaan tanpa perlu khuitir jika berbelanja secara berlebihan.

"Kuih-muih dan juadah raya kegemaran semua seperti badam coklat, kacang

gajus, cip coklat badam, badam cair, tart nanas dan coklat swiss antara tumpuan utama," katanya ketika perasmian promosi 'Raya Kami Termurah' baru-baru ini.

Andy Chin berkata, kempen 'Raya Kami Termurah' boleh didapati di lebih 280 cawangan MR. D.I.Y. di seluruh negara.

Menurut beliau, MR. D.I.Y turut melancarkan promosi istimewa kepada lebih 150 barang pada musim perayaan dengan diskon sehingga 30 peratus.

Kata beliau, ia termasuk pilihan barang dekorasi seperti alas meja, pasu kayu dan kaca, lampu pelita, sejadah dan pelbagai lagi

barang eksklusif Hari Raya Aidilfitri.

"Terdapat juga 20 peratus diskaun untuk produk-produk jenama terkemuka seperti Ambi Pur, Mr. Muscle, Energizer, Pantene dan macam-macam lagi.

"Selain daripada promosi di dalam kedai, MR. D.I.Y turut memperkenalkan promosi dalam talian dengan diskon kelengkapan rumah sehingga 22 April," katanya.

Tambah beliau, jualan murah itu turut dimeriahkan dengan peraduan Raya Shop & Win pada 4 Mei depan dengan hadiah Set Gerudi Pro Fixman sehingga ke baucar tunai dalam talian RM50. WK



MR. D.I.Y. turut melancarkan promosi istimewa kepada lebih dari 150 barang penting pada musim perayaan dengan diskon sehingga 30 peratus



Imbas untuk
penebusan segera

12 April -
23 Mei 2021

CERIA RAYakult

taKKan tak ceria,
RAYA KOT!



JOM
TEBUS!

TEBUS SET CERIA RAYA DENGAN SETIAP PEMBELIAN YAKULT BERNILAI RM18!

1



BELI produk
Yakult bernilai
RM18 di dalam
satu resit.

2



TANGKAP
gambar resit
pembelian
dengan jelas.

3



WHATSAPP ke
011-5657 3609

Hantarkan nama penuh, nombor kad
pengenalan, alamat penuh serta
gambar resit.

HADIAH
UTAMA



f
@yakultmalaysia
1-800-88-8960

Yakult®

*tertakluk kepada terma dan syarat

Perlu beri lebih tumpuan 10 minit terakhir

KL City FC mendaki puncak Liga Super

AINI MAWAWI

WALAUPUN hanya diwujudkan dalam tempoh hampir tiga bulan, Kuala Lumpur City FC dilihat sedang mendaki tangga terbaik dalam Liga Super musim ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif KL City FC, **Stanley Bernard**, dari segi keputusan, pasukan KL City FC sudah menghampiri pasukan lawan seperti Kedah Darul Aman (DA) FC, Terengganu FC dan Selangor FC.

"Dengan Selangor FC kita seri, manakala dua pasukan yang boleh dikatakan tiga teratas, kita tewas pun pada minit-minit terakhir. Jadi, saya rasa apa yang boleh dilakukan adalah memantapkan pasukan dan memperkemaskan strategi untuk 10 minit terakhir contohnya persiapan dari segi



STANLEY

psikologi.

"Ada pemain import kita yang baru sahaja lima hari datang terus main untuk perlawanan pertama yang mana mereka tidak sempat menyertai program pemerksaan selain tidak pernah ada dalam keadaan luar musim, apabila datang sahaja musim sudah bermula," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, apa yang diberi oleh pasukan dalam masa terdekat ini agak baik dan perlu diperbaiki lagi untuk perlawanan akan datang.

"Prestasi masa ada peningkatan, keputusan tidak terbaik pun tiada guna juga," jelas Stanley.

Mengulas tentang latihan pasukan sepanjang bulan puasa pula, menurut beliau, segala yang diaturkan oleh pihak pengurusan amat strategik dan tiada sebarang masalah

berbangkit sepanjang tempoh tersebut.

"Ini bukan kali pertama dalam arena bola sepak Malaysia pasukan bermain dalam bulan puasa. Latihan akan bermula pada pukul 10.30 malam atau 11 malam. Jadi, ada masa lebih kurang tiga jam untuk mereka bersedia sebelum memulakan latihan," ujar beliau.

Kata Stanley lagi, setiap pemain yang berpuasa mempunyai cara tersendiri untuk memastikan diri mereka kekal aktif dan sebagainya.

"Pemain bola biasanya mengikuti kesesuaian diri masing-masing. Ada yang lepas setengah jam berbuka puasa baru menikmati hidangan lengkap. Sebelum itu mereka lebih suka minum air, makan kurma atau buah-buahan sahaja," kata beliau.

Pasukan kendalian Bojan Hodak ini bakal bertemu pendahulu Liga Super, Johor Darul Ta'zim (JDT) pada akhir liga di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur Jumaat ini. **WK**



AKSI perlawanan LS10 diantara KL City FC dan Kedah Darul Aman FC di Stadium Darul Aman, Alor Setar minggu lalu.

MGF tekad pulih imej, enggan dibelenggu kemelut dalaman

BARISAN kepimpinan baru Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF) enggan menoleh ke belakang sebaliknya berazam untuk memodenkan dan menjenama semula badan induk itu terutama setelah dibelenggu kemelut dalaman tahun lepas.

Setiausaha Kehormatnya **Afrita Ariany**



AFRITA

kedudukan kewangan yang baik terutama dari sudut penajaan.

"Dengan mempunyai pemimpin pengalaman yang baharu untuk memimpin persatuan sukan ini, kita berharap dapat menjenamakan semula MGF dan bergerak maju dengan lebih efisien. Kami juga berharap

dapat terus ke depan demi kemajuan sukan dan memastikan MGF terus cemerlang," katanya kepada Bernama.

Sabtu lepas, MGF mengadakan pemilihan jawatankuasa tertinggi pada mesyuarat agung tahunan (AGM) yang menyaksikan Presiden Persatuan Gimnastik Pulau Pinang Datuk Tan Gin Soon menang tanpa bertanding jawatan kerusi nombor satu MGF bagi penggal 2021-2023.

Tan akan dibantu Kau Git Kaur yang mempertahankan jawatan timbalan presiden bagi penggal kedua berturut-turut selain tiga naib presiden Datuk Azmi Abas, Francis Loh Soong Park yang menarik diri bertanding keru-

si timbalan presiden dan Lee Wan Nin selaku wakil naib presiden wanita.

Jawatan naib presiden dipertandingkan pada AGM tersebut menyaksikan Azmi mendapat sokongan tertinggi dengan meraih 42 undi diikuti Francis Loh (38 undi), manakala Chong Siew Han meraih 10 undi.

"Kita akan pastikan bukan sahaja atlet, tetapi juga persatuan dan semua individu terlibat menjadi lebih hebat. Selain itu, kita juga akan pastikan setiap individu yang menjalankan tugas dengan baik diberikan pengiktirafan dan penghargaan sewajarnya," kata Afrita.

Dalam pada itu, antara tumpuan MGF kini terarah kepada ratu gimnas negara Farah Ann Abdul Hadi yang akan membuat penampilan di pentas Sukan Olimpik Tokyo 2020 pada Julai depan.

Krisis pergolakan dalaman MGF mencapai kemuncak pada Oktober tahun lepas selepas tujuh daripada keseluruhan 11 ahli gabungannya menyatakan usul hilang kepercayaan terhadap bekas presiden yang juga bekas gimnas negara, Rachel Lau. - **BERNAMA**

MSWP gotong-royong, kongsi rezeki bersama penduduk Putrajaya

GOTONG-ROYONG KELAB sukan kaktangan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) mengimarahkan bulan Ramadan dengan program memasak dan pengagihan bubur lambuk baru-baru ini.

Menurut Pengarah MSWP, **Dr Hasnul Faizal Hushin Amri**, program kerjasama MSWP dan Surau An Najah, Presint 9 itu merupakan inisiatif untuk mendekatkan kaktangan MSWP dengan masyarakat setempat.

"Dalam bulan yang mulia ini, kita terpanggil untuk berkongsi rezeki bersama-sama dengan penduduk Putrajaya sekali gus merapatkan hubungan silaturahim," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Terdahulu, sebanyak lima periuk bubur lambuk diagihihkan untuk juadah berbuka puasa kepada lima buah sekolah di sekitar Putrajaya dan Ibu Pejabat Bomba Presint 7, Putrajaya. **WK**



HASNUL (tengah) membantu warga surau memasak bubur lambuk.

PPZ-MAIWP positif capai sasaran kutipan

SYAHIDI BAKAR

SEJUMLAH RM120 juta kutipan zakat disasarkan oleh Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) dalam masa sebulan sepanjang Ramadan ini, iaitu meningkat tiga peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Abdul Hakim Amir Osman** berkata, sasaran kutipan itu yang meliputi zakat fitrah dan zakat harta akan mampu dicapai hasil daripada pelbagai kempen dijalankan selain penambahbaikan perkhidmatan yang berterusan dilaksanakan PPZ-MAIWP.

Beliau berkata, pada tahun 2020 sejumlah RM117 juta zakat telah dikutip di dalam tempoh sebulan Ramadan dengan pelbagai medium bayaran yang disedia menjadi pilihan pengguna untuk tunaikan kewajipan berzakat yang merupakan antara asas yang dituntut dalam Islam.

“Bagi Ramadan tahun ini, kami sasarkan kutipan zakat harta dan zakat fitrah sebanyak RM120 juta iaitu kadar peningkatan sebanyak tiga peratus jika dibandingkan tempoh sama tahun lalu.

Berdasarkan pecahan nilai kutipan pula, kami di PPZ-MAIWP jangkakan sebanyak RM8 juta nilai kutipan zakat fitrah diperolehi dengan RM6 juta dibayar secara dalam talian manakala RM2 juta lagi secara berdepan iaitu melalui kaunter serta amil-amil zakat dilantik,” katanya dalam temu bual bersama *Wilayahku* di Ibu Pejabat PPZ-MAIWP, Taman Shemalin, baru-baru ini.

Berdasarkan perancangan sepanjang tahun 2021 PPZ-MAIWP telah mensasarkan kutipan zakat keseluruhan



SELAIN kemudahan bayaran atas talian, PPZ-MAIWP masih terus menyediakan kaedah bayaran zakat di 10 lokasi kaunter terpilih dan menjangkakan sebanyak RM2 juta nilai kutipan zakat pada tahun ini.

sebanyak RM800 juta berbanding pencapaian terbaik yang direkodkan pada tahun lalu iaitu sebanyak RM756 juta.

KADAR ZAKAT FITRAH

Sementara itu, Abdul Hakim menjelaskan, kadar bayaran zakat fitrah untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telahpun ditetapkan kepada tiga nilai berbeza iaitu RM5, RM7 dan RM14 mengikut kesesuaian dan kemampuan pembayar.

Kriteria kemampuan pembayar pula katanya, dibuat berdasarkan kepada kemampuan kewangan diri masing-masing dengan berpandu kepada jenis beras yang digunakan di rumah.

“Kadar ini berbeza bertujuan memudahkan para pembayar yang kurang mampu untuk tunaikan kewajipan zakat fitrah yang menjadi antara prasyarat penting bagi seseorang Muslim

berpuasa. Jadi, mereka yang mungkin terjejas kewangan akibat pandemik COVID-19, boleh saja membayar kadar yang paling rendah.

“Sementara bagi individu yang mampu dan miliki pendapatan stabil disarankan untuk membayar RM14. Perkara ini tiada paksaan malahan pilihan kadar bayaran ditetapkan ini dibuat untuk berikan lebih kemudahan kepada pembayar, mengikut kemampuan masing-masing,” katanya.

KEMEPEN #SYUKURNIKMATBERSAMA

Dalam pada itu, bersempena Ramadan tahun ini, PPZ-MAIWP perkenalkan tema kempen Ramadan Untuk Semua iaitu #SyukuriNikmatBersama.

Kempen tersebut katanya, dirangka khusus bagi membawa pembayar dan asnaf dapat bersama menyambut kemeriahinan bulan Ramadan melalui program-program menarik yang diadakan selain mewar-war berkenaan kemudahan dan saluran bayaran zakat terkini disediakan di PPZ-MAIWP.

“Lebih penting ialah kami ingin menyeru kepada semua untuk mengambil keberkatan Ramadan ini bagi meraih pahala berganda dengan tunaikan kewajipan berzakat sekali gus menjadikan bulan Ramadan penuh barakah ini sebagai haul untuk membayar zakat harta.

“Suka untuk saya tekankan, zakat bukan sekadar zakat fitrah, masih ada segelintir masyarakat kita masih tidak memahami apa itu zakat. Sebut zakat, yang terlintas difikiran adalah zakat fitrah sahaja.

“Sebenarnya selain zakat Fitrah umat Islam yang telah capai syarat wajib iaitu cukup haul & nisab diwajibkan bayar zakat harta. Siapa sahaja

kita yang hartanya melebihi kadar nisab tahun 2021 iaitu RM20,299.00 setahun, maka mereka wajib dikenakan bayaran zakat harta ini,” jelasnya.

KEMUDAHAN BAYARAN

Selain pelbagai kemudahan bayaran disediakan PPZ-MAIWP untuk keselesaan pelanggan seperti kaedah bayaran di hujung jari dengan membuat pembayaran secara dalam talian. Bagi bayaran zakat fitrah boleh dilayari — fitrah. zakat.com.my manakala zakat harta — zakat.com.my.

Pelbagai kempen dan promosi turut dianjurkan antara yang terkini, menyediakan cenderahati wakaf al-Quran kepada 1000 pembayar zakat harta terawal di Kaunter PPZ-MAIWP (WP KL & Putrajaya sahaja).

Selain itu kata Abdul Hakim lagi, Program Ziarah Ramadan PPZ-MAIWP — Pembayar zakat & asnaf berpisah tiada turut diadakan dengan mengambil keberkatan Ramadan mulia, PPZ-MAIWP sangat berhasrat mengerat hubungan di antara pembayar zakat dengan asnaf dan mereka memerlukan.

“Pelbagai aktiviti turun padang telahpun dan akan berlangsung sepanjang Ramadan sebanyak empat siri di sekitar Wilayah

PPZ-MAIWP

Kadar Zakat Fitrah di Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur & Putrajaya)

- RM5
- RM7
- RM14

Secara umumnya, zakat terbahagi kepada DUA jenis iaitu:

I. Zakat Fitrah - wajib dibayar oleh semua umat Islam pada bulan Ramadan pada kadar tertentu yang telah ditetapkan.

II. Zakat Harta - Tidak tertakluk pada had umur, hatta kanak-kanak pun wajib bayar zakat harta sekiranya harta dimiliki telah melebihi nisab. Zakat Harta wajib ke atas umat Islam yang telah capai syarat wajib lalu cukup haul serta nisab. Sesiapa sahaja yang miliki harta melebihi kadar nisab tahun 2021, RM20,299.00 setahun, maka mereka wajib dikenakan zakat harta.

Dalam menguruskan kutipan zakat, pelbagai inisiatif dirangka dan dilaksanakan PPZ-MAIWP antaranya:

Menyediakan kemudahan pembayaran di kaunter untuk makluman, sempena Ramadan, 10 Kaunter PPZ-MAIWP dibuka setiap hari mulai 8.15 pagi hingga 4.30 petang (kecuali umum)

Persekutuan KL.

“Antaranya Jom Mengaji - Bacaan al-Quran setiap hari selama 30 minit mulai jam 9.30 pagi - 10 pagi di laman Facebook PPZ-MAIWP (Live) dirangka sebagai penghargaan kepada pembayar zakat di PPZ-MAIWP,” jelasnya.

Sebagaimana sabda Rasulullah SAW, daripada Hurairah RA, berkata: Rasulullah bersabda: Setiap amalan kebaikan yang dilakukan oleh anak Adam akan dilipatgandakan dengan 10 kebaikan hingga 700 kali ganda. {Riwayat Imam Muslim}



Ramadan untuk Semua
#SyukuriNikmatBersama

Kaunter PPZ-MAIWP dibuka setiap hari sepanjang Ramadan

*Termasuk cuti umum

Waktu Operasi :
8:15 pagi - 4:30 petang

Hari Terakhir Ramadan :
8:15 pagi - 1:00 petang

pusatpungutanzakat.com.my | **1300 88 5757**



Kecoh isu tebang pokok di Taman Desa Seputeh DBKL bertindak demi keselamatan awam

HAZIRAH HALIM

DEMI menjamin keselamatan penduduk jalan Batu Laut 2, Taman Desa Seputeh, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil langkah awal dengan menebang sebatang pokok di Taman Permainan Kanak-Kanak di kawasan berkenaan pada 12 April yang lalu.

Walau bagaimanapun, tindakan tersebut mendapat halangan daripada penduduk setempat yang tidak bersetuju tindakan kontraktor DBKL meneruskan penebangan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** pada Isnin lalu turun padang untuk meninjau apa yang sebenarnya terjadi sehingga penduduk membantah tindakan kontraktor DBKL.

Berikut itu, DBKL mengerahkan kenyataan menjelaskan kontraktor menerima arahan pada 10 April untuk menjalankan kerja-kerja cantasan terhadap tiga jenis batang pokok yang sama di bahagian belakang pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Taman Desa Seputeh.

"Kemudian, pada 12 April kontraktor terbabit hadir semula ke kawasan berkenaan untuk menyambung tugas menebang pokok yang mati di dalam kawasan TPKK tersebut



DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah (tengah) meninjau lokasi penebangan pokok di Taman Desa Seputeh 26 April lalu.

but. Namun, mereka telah dihalang oleh penduduk kawasan dengan meletakkan halangan di hadapan lori ketika kerja penebangan dilakukan.

"Situasi tegang itu telah dirakam dan ditularkan di media sosial oleh salah seorang penduduk kawasan terbabit pada 13 April dan diikuti media atas talian pada 20 April 2021," jelas DBKL.

Tambahan lagi, sebelum kerja-kerja penebangan dilaksanakan, pihaknya telah menjalankan siasatan berhubung aduan yang diterima daripada pihak TNB mengenai pokok yang rimbun bersama kontraktor di sekitar Taman Desa Seputeh

pada 8 April yang lalu.

"Hasil daripada siasatan, DBKL telah menemui sebatang pokok jenis khaya Senegalensis yang telah mati (kering tidak berdaun) di dalam kawasan taman permainan kanak-kanak (TPKK) Taman Desa Seputeh," katanya.

Tegas DBKL, penebangan tersebut dilakukan untuk mengelakkan kejadian yang lebih buruk berlaku kerana pokok tersebut berada di dalam kawasan yang menjadi tumpuan awam. Tindakan yang diambil ini adalah untuk menjamin keselamatan penduduk Taman Desa Seputeh di masa akan datang. **WK**

Tiga cabaran utama bangunkan Kampung Baru

PEMBANGUNAN Kampung Baru yang sedang dirancang hanya akan dapat dilaksanakan setelah tiga prasyarat utama dapat diatasi sekaligus dapat mempercepat dan mempermudahkan lagi pembangunan tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, pembangunan Kampung Baru melibatkan masalah perundungan kerana status tanahnya merupakan Malay Agriculture Settlement (MAS).

"Kita perlukan satu akta baharu bagi menggantikan akta MAS dan Kampung Baru mesti mempunyai undang undang dan akta pembangunannya yang tersendiri bagi membolehkan garis panduan pembangunan dapat disediakan dengan kriteria yang baharu.

"Dengan cara itu, ia akan menambah nilai tanah tersebut menjadi *real value* dan disokong oleh kuasa undang undang yang jelas tentang kedudukan tanah Kampung Baru," katanya pada Majlis Iftar anjuran Perbadanan Kampong Bharu (PKB) di Kuala Lumpur pada Selasa.

Beliau berkata, bagi meningkatkan lagi nilai tanah kawasan itu, Kampung Baru

mestilah dijadikan sebagai Kawasan Pembangunan Khas dan ia perlu ditanda di dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020-2040.

"Kampung Baru mesti diklasifikasi secara tersendiri sebagai special development area di mana pelancongan, undang-undang, plot ratio, pilot, kepadatan yang khusus untuk Kampung Baru sahaja," katanya.

"Justeru itu, ia perlu dimaktubkan secara hitam putih dalam pelan struktur 2020-2040 yang belum pernah terwujud sebelum ini," katanya.

Annur memberitahu, bagi mempermudahkan Kampung Baru untuk dibangunkan, satu pelan induk pembangunan Kampung Baru telah dibentangkan kepadanya.

"Pelan induk tersebut akan menambah nilai tanah tersebut menjadi *real value* dan disokong oleh kuasa undang undang yang jelas tentang kedudukan tanah Kampung Baru," katanya pada Majlis Iftar anjuran Perbadanan Kampong Bharu (PKB) di Kuala Lumpur pada Selasa.

Ujarnya, apabila tiga prasyarat ini selesai, maka Kampung Baru akan masuk fasa seterusnya iaitu perancangan pembangunan termasuklah kaedah pembangunan secara organik mengikut *parcel-parcel* tertentu. **WK**



ANNUAR

Starvendors Mega Raya kembali, Ifa Raziah pastikan SOP ketat

DEEL ANJER

PENYANYI Ifa Raziah bernekad akan memastikan karnival Aidilfitri anjurannya iaitu Starvendors Mega Raya Fest 2021 mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

Starvendors Mega Raya Fest 2021 akan berlangsung bermula 7 hingga 9 Mei ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

"Tahun ini demi menjaga SOP, kita hanya buka di aras empat yang menempatkan 150 lot."

"Untuk tahun ini, kami menggunakan konsep laluan sehala. Masuk ikut pintu A dan keluar ikut pintu B. Dah pergi tidak boleh patah balik. Setiap pintu masuk, kita akan sediakan enam staf yang akan buat pemantauan SOP," katanya kepada *Wilayahku*.

Selain itu, Ifa juga menjelaskan, demi keselamatan pengunjung, hanya 100 orang berkupon sahaja dibenarkan memasuki



IFA RAZIAH (tengah) bersama barisan artis yang akan menjayakan Starvendors Mega Raya Fest 2021.

ke kawasan lot gerai dengan pemantauan daripada petugas.

Menurutnya lagi, peniaga yang menyewa dalam acara tersebut juga tidak perlu risau jika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan semula dalam tempoh acara karnival berlangsung.

Ini kerana, dia akan bertanggungjawab sepenuhnya jika sesuatu berlaku terhadap acara yang dirancang.

"Sangat susah nak yakinkan vendor (penyewa) untuk serta kerana mereka takut tertipu. Kebanyakan vendor yang pernah serta acara lain, mereka tidak dapat balik duit dan pengajur hilang tanpa dikesan."

"Tapi, saya akan pulangkan balik duit deposit vendor walaupun satu sen, saya sanggup pergi gadai atau guna duit produk Solid Molid untuk bayar kerana tidak mahu

nama saya busuk dalam industri.

"Macam tahun lepas, saya bayar balik. Tidak pernah pun saya tipu. Kali ini kalau kata PKP ada lagi, saya bayar walau pun saya rugi," jelasnya yang tidak mahu mengecewakan vendor.

Ifa Raziah merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Star Vendors Sdn. Bhd. Yang juga pengajur Starvendors Mega Raya Fest 2021.

Tahun ini, 300 gerai disediakan termasuklah 50 lot khas untuk selebriti yang membawa jenama masing-masing.

Antara selebriti yang mengambil bahagian dalam festival ini ialah Erra Fazira, Rozita Che Wan, Syamel, Ernie Zakri, Zoey Rahman, Zizi Kirana, Datuk AC Mizal, Datuk Seri Vida, Cik B, Awal Ashaari, Scha Al Yahya, Rabbani, Zulin Aziz, Nana Mahazan dan ramai lagi.

Acara ini akan berlangsung bermula pukul 10 pagi hingga 12 tengah malam selama 14 jam tanpa henti bertempat di Hall 4 Dewan Tun Razak, Dewan Tun Hussein Onn dan Dewan Tun Dr. Ismail. **WK**



DIANA & HAZIRAH AMIR HALIM

KUALA LUMPUR merupakan kota metropolitan adalah destinasi percutian terbaik buat mereka yang inginkan percutian pendek dalam bandar.

Baru-baru ini kami telah mengikuti program #LepakKLlah yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Program selama tiga hari dua malam ini bertujuan mempromosikan tempat-tempat menarik yang boleh dikunjungi di sekitar Kuala Lumpur.

Tempat pertama yang kami kunjungi Muzium Kesenian Islam yang terletak di Tasik Perdana, Kuala Lumpur. Muzium ini mempunyai lebih 12,000 artifak dan menghimpunkan koleksi kesenian Islam terbesar di Asia Tenggara.

Terletak berhampiran dengan Masjid Negara, bangunan berkeluasan 30,000 kaki persegi ini mempunyai 12 galeri utama, dua buah galeri khas serta sebuah galeri terbuka yang dikhaskan untuk pameran fotografi.

Antara galeri yang menarik untuk dilawati adalah Galeri Seni Bina, Galeri Al-Quran & Manuskrip, dan Galeri Dunia Melayu. Orang ramai berpeluang mengunjungi muzium ini pada setiap hari antara 10.00 pagi sehingga 6.00 petang.

Bayaran yang dikenakan bagi seorang dewasa adalah sebanyak RM14, pelawat di bawah 18 tahun, penuntut Institusi Pengajian Tinggi dan warga emas adalah RM7 manakala kanak-kanak di bawah enam tahun kemasukan adalah percuma.

Seterusnya kami bergerak ke bazar Ramadan Jalan Raja Alang, Kampung Bharu yang menjadi tumpuan orang ramai untuk mencari juadah berbuka.

Menempatkan lebih 150 penjaja dan menjual pelbagai jenis makanan pastinya pengunjung menjadi rambang mata.

Sedikit berbeza berbanding tahun sebelumnya di mana setiap bazar perlu mengamalkan Pematuhan Standard Operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Bazar Ramadan Jalan Raja

Bercuti di kota metropolitan, satu pengalaman menarik



(SINGGAHSANA Raja Perak antara yang dipamerkan di muzium negara.)

Alang antara bazar yang teratur dan kemas susun aturnya yang mempunyai jalan dua hala, jadi pengunjung tidak perlu bersesak dan tiada langgaran berlaku.

Di sebelah malam pula kami mengunjungi bazar Aidilfitri di Lorong Tunku Abdul Rahman (TAR) yang menjadi tempat tradisi warga kota dalam melakukan persiapan raya.

Bazar ini kembali lagi dengan SOP yang ketat dan mempunyai empat pintu masuk A, B, C dan D.

Bagi seksyen A bermula dari Wisma Campbell hingga ke Lorong TAR 7, diikuti seksyen B bermula Lorong Jalan TAR sehingga Semua House. Manakala seksyen C bermula dari Semua House sehingga Wakaf Buta dan seksyen terakhir dari Wakaf Buta ke Malayan Mansion (Masjid India).

Dengan SOP yang ketat pen-

gunjung tidak lagi perlu bersesak untuk membeli belah namun keena bersedia untuk barisan yang panjang kerana setiap mempunyai kuota untuk pengunjung yang dibenarkan masuk.

Bazar ini mula beroperasi seawal 10 pagi sehingga 12 tengah malam pada setiap hari.

Destinasi seterusnya adalah River of Life (RoL) yang bertempat di Dataran Merdeka.

Menyusuri laluan kolonial, rona biru menghiasi sungai ini dan telah diiktiraf sebagai salah satu 10 landskap pancutan air terbaik di dunia oleh The Independent.

Projek ini adalah untuk membentuk Sungai Klang dari sungai tercemar kepada tali air dengan nilai komersial.

Terletak berhampiran Masjid Jamek dan merupakan titik penuhnya antara dua sungai, Sungai Klang dan Sungai Gombak ini dib-



(HASIL Kraftangan usahawan turut dijual di bazar warna warni aidilfitri.)

angunkan pada 2018 dan menelan kos sebanyak RM4.4 billion.

Kawasan seluas 781 hektar dan 63 hektar badan air ini mengambil masa selama tujuh tahun untuk disiapkan.

Keseluruhan projek dibahagikan kepada tiga komponen iaitu pembersihan sungai, penyucian sungai serta pengkomersialan dan pelancongan.

Baru-baru ini animasi popular, Ejen Ali dan Ejen Alicia menjadi patung figura pertama yang diletakkan di lokasi tarikan pelancongan, RoL sebagai simbolik dalam mendidik masyarakat mengenai kepentingan pemuliharaan sungai dan kemudahan yang terdapat di situ.

Ia adalah inisiatif daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam misi memastikan mesej diterima secara berkesan.

Patung figura karakter Ejen Ali dan Ejen Alicia seberat 350 kilogram dan berukuran enam kali empat inci ini ditempatkan di Jambatan Lebuh Pasar Besar.

HARI KEDUA



(PERUBAHAN sistem pendidikan di malaysia adalah salah satu kesan pembentukan negara.)



(PENEMUAN artifak masyarakat awal di malaysia turut dipamerkan di muzium negara.)

Hari berikutnya kami mengunjungi Bazar Warna Warni Aidilfitri 2021 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay. Bertemakan 'Kraf Di Hati, Hari Raya Aidilfitri Dinanti' membawa 220 usahawan kraf di mana 100 usahawan di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, manakala 120 usahawan berada di lapan lokasi terpilih.

Promosi Warna-Warni Hari Raya Aidilfitri ini bermula dari 15 April sehingga 2 Mei 2021, mulai jam 10.00 pagi sehingga 6.00 petang (Isnin - Khamis) dan 10.00 pagi sehingga 10.00 malam (Jumaat- Ahad).

Di sini juga ada demonstrasi masakan, pembuatan produk kraf dan aneka acara menarik.

Salah seorang daripada kami berpeluang mempelajari teknik mewarna batik bersama pengasas batik yang berada di kompleks kraf tersebut.

Jam 2.30 petang kami mula bergerak untuk melihat mini Malaysia di MinNature Malaysia, Plaza Sungei Wang.

Terletak di dalam pusat membeli-belah, pengunjung boleh datang meskipun hari hujan atau panas.

Menggunakan kepakaran 37 orang selama 18 bulan menghasilkan pelbagai rekaan mengikut adat dan budaya masyarakat di Malaysia.

Meskipun dihasilkan dalam tempoh yang agak singkat namun perincian setiap rekaan pokok, orang, kereta dan sebagainya adalah sangat teliti dan kemas yang mampu membuatkan pengunjung berasa kagum tapi awas ye hanya boleh melihat dan dilarang sentuh.

Pengunjung boleh melihat empat jenis pameran iaitu Taste of Malaysia, Minis in the Glass Wall, The People of Malaysia dan Heritage Architecture.

Tempoh satu jam yang diberikan tidak mencukupi untuk melihat dan meneliti setiap hasil rekaan di MinNature.

Di sini harga tiket bagi seorang



KUIH Muih antara juadah berbuka yang menjadi pilihan pengunjung di Bazar Stadium Cheras.

PELBAGAI rekaan mengikut tradisi masyarakat Malaysia dihasilkan lebih 18 bulan oleh 37 orang.

SISTEM cashless di bazar, stadium cheras hasil kolaborasi Shopee dalam mengurangkan kontak semasa pandemik.

dewasa adalah RM25, kanak-kanak RM20 dan kanak-kanak berusia 4 tahun ke bawah adalah percuma. Waktu operasinya setiap hari dari 10 pagi sehingga 10 malam.

Seterusnya persinggahan kami ialah di bazar Stadium Cheras untuk membeli juadah berbuka.

Menempatkan hampir 320 peniaga dan antara juadah tarikan utama adalah ikan bakar, murtabak, beriani johor dan lain-lain.

Uniknya bazar ini sudah menggunakan sistem cashless dan berkollaborasi dengan Shoppe untuk pembayaran melalui Shoppe pay.

Tidak perlu membawa duit banyak-banyak selepas ini, boleh bayar menggunakan telefon sahaja.

HARI KETIGA

Melangkah ke hari terakhir program, kami check out pada 12 tengahari dan sempat bergambar di lounge Indie Hotel sebagai kenangan dan terus bergerak ke Umbrella Walk yang terletak di Jalan Tun Sambathan, Brickfields.

Umbrella Walk menyediakan tempat berswafoto yang cantik dihiasi dengan payung-payung sepanjang lorong dengan dinding berwarna-warni.

Pengunjung juga boleh menaiki LRT, KTM atau MRT turun di KL Sentral dan hanya perlu berjalan kaki untuk sampai ke tempat ini.

Selepas puas bergambar di Umbrella Walk kami bergerak ke destinasi terakhir iaitu Muzium Negara yang terletak di Jalan Damansara, Kuala Lumpur.

Pengunjung boleh memasuki



MINI Malaysia mengimbau kenangan suasana di kampung.



PEMBENTUKAN Islam di dunia memperlihatkan beberapa keunikan dan keindahan mengikut tradisi tersendiri.

Muzium Negara dengan hanya bayaran RM2 dan percuma bagi pelajar sekolah yang beruniform.

Bangunan yang bercirikan senibina Melayu tradisional ini baru diubah suai pada tahun 2008 dengan suasana yang lebih menarik.

Mempunyai empat galeri iaitu Galeri A (sejarah awal) dan Galeri B (Kerajaan-Kerajaan Melayu) yang terletak di tingkat satu manakala Galeri C (Era Kolonial) dan Galeri D (Malaysia Kini) terletak di aras dua.

Galeri A memaparkan evolusi pembentukan muka bumi dan asal usul masyarakat awal di Malaysia.

Salah satu artifak berharga yang dipamerkan ialah loceng gangsa Dong Son yang bertarikh 150 Masihi.

Bergerak ke galeri B menyoroti sejarah kewujudan kerajaan-ker-

jaan Melayu di Nusantara. Antara koleksi menarik yang dipamerkan ialah pintu istana Kerajaan Setul (Selatan Thailand).

Manakala Galeri C menyingskap sejarah tentang penguasaan dan pentadbiran kuasa-kuasa asing.

Meja Pangkor antara koleksi utama bagi galeri ini yang melakarkan sejarah termeterainya Perjanjian Pangkor pada tahun 1874.

Galeri D membawa pengunjung menelusuri liku-liku pahit manis yang dilalui oleh rakyat dalam meniti perjuangan ke arah kemerdekaan dan memaparkan proses transformasi serta pembangunan yang dikecapi sehinggalah ke hari ini.

Antara dokumen penting yang dipamerkan ialah salinan asal wataih pengisytiharan oleh ketua negara Malaysia.

Warga kota yang suka akan seja-

rah wajib mengunjungi Muzium Negara kerana pelbagai sejarah dan artifik dipamerkan di sini dengan huraian cerita dikongsikan mengikut setiap artifik yang ditemui.

Waktu operasi bagi muzium ini adalah pada setiap hari seawal 9.00 pagi sehingga 6.00 petang sahaja. Selain kemudahan parking yang luas, muzium ini juga berhampiran dengan stesen MRT dan mudah diakses dengan menggunakan mod pengangkutan awam yang lain.

Apa yang menarik, jaluan pejalan kaki dari KL Sentral ke Taman Botani Perdana melalui Muzium Negara juga akan dibina bagi menggalakkan orang ramai berjalan kaki menikmati keindahan alam dan tempat tarikan serta bersejarah.

Projek ini merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat

(CSR) dan bukan bermatlamatkan keuntungan yang diterajui Khazanah Nasional Berhad dengan kerjasama DBKL serta beberapa kementerian, agensi dan badan bukan kerajaan (NGO).

Berkonsepkan memelihara dan memulihara alam sekitar, kira-kira 5,000 pokok hutan hujan tempatan akan ditanam di kawasan tersebut.

Untuk mengetahui lebih banyak tempat menarik yang boleh dikunjungi di Kuala Lumpur boleh melihat hantaran gambar di sosial media melalui hashtag berikut

#LepakKLlah #VisitKL
#KualaLumpur #SayangKL #KLBandarku
#KLBandarUntukSemua #CutiCutiMalaysia
#MalaysianVisitMalaysia #MalaysiaTrulyAsia #KLTB
#MyMotac #TourismMalaysia #GayaTravel #travellocal. 



MINNATURE membawa pengunjung mengembara ke seluruh Malaysia di dalam versi mini.